| 1. | Program PASCA AKRAB 2: Training Of Trainers (TOT) " Dasar Pemisah Dan Peranan Akrab Care"<br>*Program PASCA AKRAB 2: Training Of Trainers (TOT) " Dasar Pemisah Dan Peranan Akrab Care"* | 21-22 Julai 2016<br>21-22 July 2016 | Galeria Perpustakaan, Aras 3, KPWKM<br>Library Galeria, Level 3, KPWKM | 76 orang<br>76 pax |
| 2. | Program PASCA AKRAB 1<br>*Program PASCA AKRAB 1* | 13 Oktober 2016<br>13 October 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 18 orang<br>18 pax |

| Bil. *No.* | Program/Aktiviti *Program/Activities* | Tarikh *Date* | Tempat *Vanue* | Bil. Peserta *No of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Program Jom Senam<br>*Program Jom Senam* | Bermula November hingga Disember 2016 (2 kali seminggu)<br>Starting November to December 2016 (2 times one week) | Dewan Perdana Nur, KPWKM<br>Prime Hall Nur, KPWKM | 272 orang<br>272 pax |







**Jadual 12: Mesyuarat AKRAB Tahun 2016**
**Table 12: AKRAB Meeting's for 2016**

| Bil. *No.* | Mesyuarat *Meeting* | Tarikh *Date* | Tempat *Vanue* | Bil. Peserta *No of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Penyelarasan Ahli Jawatankuasa AKRAB KPWKM Bil 1/2016<br>AKRAB Committee Members Coordination Meeting KPWKM Bil 1/2016 | 29 Mac 2016<br>29 March 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 5 orang<br>5 pax |
| 2. | Mesyuarat Agung AKRAB 2<br>General Meeting AKRAB 2 | 22 Julai 2016<br>22 July 2016 | Galeria Perpustakaan, Aras 3, KPWKM<br>Library Galeria, Level 3, KPWKM | 76 orang<br>76 pax |
| 3. | Mesyuarat Penyelarasan Ahli Jawatankuasa AKRAB KPWKM Bil 2/2016<br>AKRAB Committee Members Coordination Meeting KPWKM Bil 2/2016 | 24 Ogos 2016<br>24 August 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 12 orang<br>12 pax |
| 4. | Mesyuarat Penyelarasan Ahli Jawatankuasa AKRAB KPWKM Bil 3/2016<br>AKRAB Committee Members Coordination Meeting KPWKM Bil 3/2016 | 13 Oktober 2016<br>13 October 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 18 orang<br>18 pax |
| 5. | Mesyuarat Penyelarasan Ahli Jawatankuasa AKRAB KPWKM Bil 4/2016<br>AKRAB Committee Members Coordination Meeting KPWKM Bil 4/2016 | 29 Disember 2016<br>29 December 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 7 orang<br>7 pax |

**Pementoran**

Terdapat 16 pasangan mentor dan menti yang telah dilantik untuk menyertai Program Pementoran KPWKM 2016. Walau bagaimanapun hanya dua pasang mentor dan menti yang telah berjaya menamatkan Program Pementoran kali ini. Berikut

**Mentoring**

There was a total of 16 Mentoring partners and mentees that was appointed to join the Mentoring Program KPWKM 2016. However only 2 mentoring partners and mentees who were able to finish this year's Mentoring Program. Below was one of the

merupakan beberapa program/aktiviti/mesyuarat yang telah dilaksanakan sepanjang berlangsungnya Program Pementoran KPWKM 2016.

program/activity/meeting that was done successfully throughout the duration of Mentoring Program KPWKM 2016.

**Jadual 13: Program/Aktiviti Pementoran Tahun 2016**
**Table 13: Mentoring Program/Activities for 2016**

| Bil. *No.* | Program/Aktiviti *Program/Activities* | Tarikh *Date* | Tempat *Vanue* | Bil. Peserta *No of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Taklimat Awal Program Pementoran<br>Early briefing of mentoring program | 24 Mac 2016<br>24 March 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 23 orang<br>23 pax |
| 2. | TOT Pementoran & Majlis Pelantikan Program Pementoran Tahun 2016<br>TOT Mentoring and Appointment Ceremony of Mentoring Program 2016 | 17 Mei 2016<br>17 May 2016 | Galeria Perpustakaan, Aras 3, KPWKM<br>Library Galeria, Level 3, KPWKM | 22 orang<br>22 pax |





**Jadual 13: Mesyuarat Penyelarasan Program Pementoran Tahun 2016**
**Table 12: Mentoring Program Coordination Meeting 2016**

| Bil. *No.* | Mesyuarat *Meeting* | Tarikh *Date* | Tempat *Vanue* | Bil. Peserta *No of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Penyelarasan Program Pementoran KPWKM Bil 1/2016<br>Mentoring program Coordination Meeting KPWKM Bil 2/2016 | 23 Jun 2016<br>23 June 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 8 orang<br>8 pax |
| 2. | Mesyuarat Penyelarasan Program Pementoran KPWKM Bil 2/2016<br>Mentoring program Coordination Meeting KPWKM Bil 2/2016 | 18 Julai 2016<br>18 July 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 7 orang<br>7 pax |
| 3. | Mesyuarat Penyelarasan Program Pementoran KPWKM Bil 3/2016<br>Mentoring program Coordination Meeting KPWKM Bil 3/2016 | 27 September 2016<br>27 September 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 5 orang<br>5 pax |
| 4. | Mesyuarat Penyelarasan Program Pementoran KPWKM Bil 4/2016 (Penamatan)<br>Mentoring program Coordination Meeting KPWKM Bil 4/2016 (Ending) | 22 November 2016<br>22 November 2016 | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM<br>Meeting Room BPSM Level 34 KPWKM | 9 orang<br>9 pax |



**Ujian Psikologi**

Seramai 46 orang warga Kementerian telah mengambil ujian psikologi yang melibatkan Ujian Personaliti Warna, Ujian Personaliti (Kaedah Mengatasi Konflik), Inventori Minat Kerjaya Sidek dan Inventori Tingkah Laku. Hasil ujian tersebut bukan sahaja digunakan untuk menganalisa personaliti responden yang terlibat malah ia turut berjaya membantu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dalam meningkatkan potensi pekerja dalam organisasi dan memahami tingkahlaku mereka secara amnya.

**Psychology Test**

As many as 46 people from the Ministry had taken a psychology test involving Colour Personality Test, Personality Test (Method to Resolve Conflict), Sidek's Career Interest Inventory and Attitude Inventory. The result of the test was not only used to analyse the personality of the respondents involved, it also manage to help the Division of Human Resource Management in raising the potential of workers in organization and understanding their behaviour in general.

| Bil.<br>*No.* | Jenis Ujian/Inventori<br>*Test/Inventory Type* | Tarikh Pelaksanaan<br>*Implementation Date* | Bil. Responden<br>*No. Respondent* |
|---|---|---|---|
| 1. | Ujian Personaliti Warna<br>Color Personality Test | Januari – Disember 2016<br>January – December 2016 | 25 |
| 2. | Ujian Personaliti<br>(Kaedah Mengatasi Konflik)<br>Personality Test<br>(Conflict Management Method) | Januari – Disember 2016<br>January – December 2016 | 18 |
| 3. | Inventori Minat Kerjaya Sidek<br>Sidek Career Interest Inventory | Januari – Disember 2016<br>January – December 2016 | 2 |
| 4. | Inventori Tingkah Laku<br>Behavior Inventory | Januari – Disember 2016<br>January – December 2016 | 1 |
| | **Jumlah Responden**<br>***Total Respondent*** | | **46** |

**Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)**

Pelaksanaan SPAN di kementerian diterajui oleh Unit Integriti berdasarkan Minit Bebas KPWKM.500-5/5/1 (11) bertarikh 27/6/2016 dan Unit Pengurusan Psikologi dilantik sebagai ahli pasukan Audit Nilai berdasarkan surat pelantikan KPWKM (S) 18/45/02 Jld 4 (20) bertarikh13/7/2016.

**Audit Value Management System (SPAN)**

The implementation of SPAN in the ministry was led by Integrity Unit based on the Free Minute KPWKM. 500-5/5/1(11) dating 27/6/2016 and Psychology Management Unit was appointed as the group member of Value Audit based on the appointment letter of KPWKM (S) 18/45/02 Jld 4 (20) dating 13/7/2016.





# Bahagian Khidmat Pengurusan

## Management Service Division

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Operasi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Fungsi utama Bahagian ini adalah untuk memudahcara pengurusan dan pentadbiran am di Kementerian ini. Terdapat empat unit di bawahnya seperti berikut:

- Unit Inovasi, Penyelarasan dan Keurusetiaan;
- Unit Pentadbiran, Keselamatan dan Logistik;
- Unit Pengurusan Aset; dan
- Unit Pusat Sumber

The Division of Service Management is one of the divisions under the Operation Sector, Ministry of Women, Family and Community Development (MWFCD). The core function of this division is to facilitate the management and general administration of the ministry. There are four units under it as follows:

- Innovation, Coordination and Secretariat's Unit;
- Administrative, Security and Logistics' Unit;
- Asset Management's Unit; and
- Resource Centre's Unit

## Perhimpunan Bulanan KPWKM 1/2016

### MWFCD Monthly Assembly 1/2016

Aktiviti ini telah diadakan di Dewan Perdana Nur, KPWKM pada 7 Januari 2016 dan dihoskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan. YB Menteri telah menyuarakan rasa kesyukuran di atas pencapaian tahun 2015 dan berharap agar KPWKM akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Perhimpunan bulanan tersebut telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan daripada Kementerian dan agensi di bawahnya.

The activity was held at Dewan Perdana Nur, MWFCD on 7th January 2016 and hosted by the Division of Service Management. In her speech, YB Minister had expressed her grateful towards the 2015's achievements and hope that this ministry would continue giving the best service to society. The monthly assembly was attended by staff from ministry and its agency.





## Karnival Bookerville: Pameran Buku Antarabangsa Putrajaya Kali Ke-3 2016

### Bookerville Carnival: 3rd Putrajaya International Book Fair 2016

Pameran buku ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya mulai 29 Mac 2016 hingga 3 April 2016. Seramai 27 orang Kementerian dan agensi dibawahnya telah turut serta dalam lawatan ke pameran tersebut pada 30 Mac 2016 dan aktiviti ini telah diselaraskan oleh Unit Pusat Sumber Kementerian. Objektifnya adalah untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan kakitangan Kementerian.

The book fair was held at Putrajaya International Convention Centre (PICC) from 29th March 2016 till 3rd April 2016. Twenty seven (27) staff from ministry and its agency had visited the fair on 30th March 2016 as part of the activities coordinated by Resource Centre's Unit of MWFCD. Objective of the activity is to foster a culture of reading among staff.





# Sambutan Hari Pekerja 2016
## National Labour Day Celebration 2016

Program ini telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 1 Mei 2016. Seramai 34 peserta daripada Kementerian dan agensi dibawahnya telah menghadiri sambutan ini dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

This programme was held at Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur on 1st May 2016. Thirty four (34) representatives from ministry and its agency had attended the celebration which was inaugurated by YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia.

# Sinar Ramadhan dan Riang Ria Aidilftri
## *Sinar Ramadhan and Riang Ria Aidilftri*




Majlis ini telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 21 Jun 2016 dan dihadiri oleh seramai 1100 orang yang terdiri daripada golongan sasar Kementerian.

The event was held at Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur on 21st June 2016 and thousand (1000) guests mostly from the ministry's target groups were invited to the event.

# Riang Ria Aidilfitri 2016
## Riang Ria Aidilfitri 2016



Majlis ini telah diadakan di KPWKM pada 25 Julai 2016. Seramai 2000 orang tetamu yang terdiri daripada kumpulan sasar Kementerian telah dijemput untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

The event was held at MWFCD on 25th July 2016. Two thousand guests (2000) mostly from the ministry's target groups were invited to celebrate Hari Raya Aidilfitri.





# Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1438H/2016M
## National Maal Hijrah Celebration 1438H/2016M

Sambutan ini telah diadakan di MAEPS, Serdang pada 2 Oktober 2016. Seramai 100 peserta daripada Kementerian dan agensi di bawahnya telah mengambil bahagian dan disempurnakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

The celebration was held at MAEPS, Serdang on 2nd October 2016. One hundred 100 representatives from ministry and its agency took part and it was graced by DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.






# Aerobik: Hari Sukan Negara 2016
## Aerobic: National Sports Day 2016

Bersempena dengan Hari Sukan Negara 2016, empat Kementerian telah bersama-sama menganjurkan aerobik di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya pada 8 Oktober 2016. Empat Kementerian tersebut adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Seramai 2000 peserta telah terlibat menjayakan aktiviti hari berkenaan.

In conjunction with the National Sports Day 2016, four ministries had jointly organised aerobic at Dataran Gemilang, Precint 4 Putrajaya on 8th October 2016. The four ministries were Ministry of Women, Family and Community Development, Ministry of Rural and Regional Development, Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government and Ministry of Communications and Multimedia Malaysia. 2000 participants from the four ministries had turned up that day.



# Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016

## Safety Protection Special Award's Inspectorate 2016

Inspektorat tersebut telah dilaksanakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di bangunan KPWKM pada 24 – 27 Oktober 2016. Hasil daripada pemeriksaan tersebut amat baik dan aspek keselamatan di bangunan ini telah dinilai sebagai cemerlang.

The inspectorate was conducted by Chief Government Security Office (CGSO) of Malaysia at the MWFCD's building on 24th – 27th October 2016. The outcome of the inspection was very good as the security aspect of the building was rated as excellent.







# Laporan Prestasi 2016

## Performance Report 2016

# Bahagian Pembangunan

## Development Division

# Bahagian Pembangunan
## Development Division

### Program dan Aktiviti
### Program and Activities

**Makmal Pengurusan Nilai Projek Kompleks Penyayang Kempas, Johor**
**Value Management Lab for Kompleks Penyayang Kempas Project**

**1 Julai/July 2016**

Makmal Pengurusan Nilai adalah bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi Kompleks Penyayang. Makmal Pengurusan Nilai akan mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, kemudahan dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi dan fungsi sesebuah bangunan.

The Value Management Lab set to identify options, components and cost that does not contribute to the value of the service, system. Value Management Lab reviews the function of a particular design, products, services, projects, facilities and systems in order to achieve better value and optimal cost without compromising performance levels and functions of the building.

Laporan Pengurusan Nilai telah merekodkan hasil dapatan kajian (*findings*) antaranya butiran anggaran kos, senarai peralatan, reka bentuk dan sistem yang dipersetujui. Laporan tersebut membolehkan sebarang keputusan atau persetujuan dalam makmal tersebut dirujuk semula (*traceable*) dan rasionalnya difahami.

Value management report is recorded of findings such as the details of cost estimates, list of equipment, system, design. The report allows decisions or agreements in the lab traceable and the rationale is understand.

Bengkel ini telah diadakan pada 28 Jun hingga 1 Julai 2016 melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM), KPWKM, JKM, LPPKN, JPW dan TNB Johor Bahru.

The lab was held from 28 June to 1 July 2016 with the participants from Public Works Department (PWD), the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department (EPU, PMO), the KPWKM, JKM, LPPKN, JPW and TNB Johor Bahru.







**Makmal Pengurusan Nilai Cadangan Pembangunan Semula Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Taman Seri Puteri dan Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
**Value Management Lab for The Project Proposed Redevelopment Rumah Kanak-kanakTengku Budriah, Taman Seri Puteri and JKM Wilayah Kuala Lumpur.**

**1 Ogos/August 2016**

Makmal Pengurusan Nilai adalah bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi Kompleks Penyayang. Makmal Pengurusan Nilai mengkaji keperluan fungsi sesuatu reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, kemudahan dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi dan fungsi sesebuah bangunan.

The Value Management Lab set to identify options, components and cost that does not contribute to the value of the service, system. Value Management Lab reviews the function of a particular design, products, services, projects, facilities and systems in order to achieve better value and optimal cost without compromising performance levels and functions of the building.

### Pencapaian Utama Bahagian Pembangunan
### The Development Division Main Achievement

Bagi pencapaian sepanjang tahun 2016, sebanyak 4 projek pembangunan KPWKM telah berjaya disiapkan iaitu:
For the year of 2016 achievements, 4 projects has successfully completed which is as follows:

| Bil.<br>*No.* | Projek<br>*Project* | Tempoh Pembinaan<br>*Construction Period* |
|---|---|---|
| 1. | **Taman Sinar Harapan Cheras**<br>**Kos Projek** : RM39.4juta<br>**Kapasiti** : 200 orang penghuni<br>**Objektif** : Memberikan kemudahan penjagaan dan perlindungan kepada penghuni orang kurang upaya.<br><br>**Taman Sinar Harapan Cheras**<br>**Project Costs** : RM 39.4 million<br>**Capacity** : 200 residents<br>**Objective** : provides care and protection to residents of person with disabilities. | September 2011 hingga Mac 2016<br><br>**Tarikh Siap:**<br>31 Mac 2016<br><br>September 2011 to March 2016<br><br>**Completion Date:**<br>31 March 2016 |
| 2. | **Kuarters Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang**<br>**Kos Projek** : RM14.7 juta<br>**Kapasiti** : 37 unit kuarters<br>**Objektif** : Kemudahan tempat tinggal yang selesa dan kondusif kepada kakitangan institusi kebajikan.<br><br>**Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah Quarters, Kuantan, Pahang**<br>**Project Costs** : RM14.7 million<br>**Capacity** : 37 units quarters<br>**Objective** : To provide comfortable and conducive accommodation to staff. | Mac 2014 hingga Julai 2016<br><br>**Tarikh Siap:**<br>4 Julai 2016<br><br>March 2014 to July 2016<br><br>**Completion Date:**<br>4 July 2016 |
| 3. | **Kuarters Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti, Kepala Batas**<br>**Kos Projek** : RM15.3 juta<br>**Kapasiti** : 37 unit kuarters<br>**Objektif** : Kemudahan tempat tinggal yang selesa dan kondusif kepada kakitangan institusi kebajikan.<br><br>**Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Quarters, Kepala Batas**<br>**Project Costs** : RM15.3 million<br>**Capacity** : 37 units quarters<br>**Objective** : To provide comfortable and conducive accommodation to staff. | Februari 2014 hingga Disember 2016<br><br>**Tarikh Siap:**<br>15 Disember 2016<br><br>February 2014 to December 2016<br><br>**Completion Date:**<br>15 December 2016 |
| 4. | **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Gombak**<br>**Kos Projek** : RM5.9 juta<br>**Kapasiti** : 37 unit kuarters<br>**Objektif** : Menyediakan kemudahan pejabat kepada kakitangan PKMD Gombak yang lebih selesa dan kondusif.<br><br>**Social Welfare Office District Of Gombak**<br>**Project Costs** : RM5.9 million<br>**Capacity** : 37 units quarters<br>**Objective** : Provide comfortable and conducive office facilities to the staff. | Mei hingga September 2016<br><br>**Tarikh Siap:**<br>19 September 2016<br><br>May to September 2016<br><br>**Completion Date:**<br>19 September 2016 |





# Laporan Prestasi 2016
## Performance Report 2016

# Bahagian Kolaborasi dan Strategik
## Collaboration and Strategic Division

# Bahagian Kolaborasi dan Strategik

## Collaboration and Strategic Division

### Unit Penilaian
### Assessment Unit

#### Bengkel Penilaian *Outcome*

Bengkel Penilaian *Outcome* ini telah mengadakan tiga bengkel Penilaian *Outcome* untuk tahun 2016:

(i) 3 hingga 5 Mac 2016;
(ii) 28 hingga 29 Mac 2016; dan
(iii) 16 hingga 17 Mei 2016

Objektif bengkel ialah memberi penerangan dan pemahaman kepada pegawai berhubung pelaksanaan penilaian outcome ke atas program/projek yang telah siap yang merangkumi projek fizikal dan bukan fizikal di bawah peruntukan mengurus dan pembangunan di Bahagian dan Jabatan/Agensi masing-masing.

#### Outcome Assessment Workshops

Outcome Assessment Workshops Three outcome assessment workshops were conducted in year 2016:

(i) 3rd to 5th March 2016;
(ii) 28th to 29th March 2016; and
(iii) 16th to 17th May 2016.

Objective is to provide information and understanding on the outcome evaluation of programmes / projects that have been completed, which includes physical and non-physical projects allocated under operational and development expenditures from various departments under MWFCD.











Bagi pelaporan penilaian *outcome*, indikator pencapaian output dan outcome projek/program dan isu dan perkara yang perlu diambil kira semasa menyediakan pelaporan kajian penilaian outcome bagi 10 projek/program terpilih telah dikenal pasti.

For reporting on outcomes, performance indicator (output and outcomes) as well as addressing issues and problems of the 10 projects that have been successfully identified.

#### Kajian Lapangan Penilaian *Outcome*

Kajian lapangan bagi penilaian *outcome* melibatkan institusi dan program berikut:

(i) Rumah Kanak-Kanak Mini Johor, Ulu Tiram pada 26 April 2016;
(ii) Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka pada 27 April 2016; dan
(iii) Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan), Setapak pada 5 Mei 2016.

Objektif kajian lapangan ialah untuk pengumpulan data dalam bentuk sesi temu bual, soal selidik, pemerhatian dan dokumen sekunder. *Outcome* kajian lapangan pula mengenai data bagi pembuktian kajian penilaian outcome disediakan.

#### Outcome Assessment Workshops

Three outcome assessment fieldworks were conducted in:

(i) Rumah Kanak-Kanak Mini Johor, Ulu Tiram on 26th April 2016;
(ii) Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka on 27th April 2016; and
(iii) Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan), Setapak on 5th May 2016.

Objective to collect data through focus group discussion, survey, questionnaire, observation and secondary data. Outcome Data collection provides evidence to be used in outcome assessment.






Sesi FGD bersama guru sekolah SK Taman Bukit Tiram, Johor Bahru
*Sesi FGD bersama guru sekolah SK Taman Bukit Tiram, Johor Bahru*

Sesi FGD bersama staf RKK Mini di Johor Bahru
*Sesi FGD bersama staf RKK Mini di Johor Bahru*









Team Penilaian Outcome di RSK Cheng, Melaka
*Team Penilaian Outcome di RSK Cheng, Melaka*

Sesi FGD bersama guru SMK Pend Khas Setapak
*Sesi FGD bersama guru SMK Pend Khas Setapak*









## Program Perwani Jom Sihat

- **Pemantauan Pelan Tindakan**
  Objektif adalah untuk mengenal pasti status pelaksanaan setiap pelan tindakan dan bagi memastikan kesemua program dan tindakan selesai sebelum tamat tempoh pelaksanaan. Gerak kerja pemantauan pelan-pelan tindakan dan pelan strategik di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah dijalankan bermula bulan Mac 2016 sehingga Oktober 2016.

  Bermula dengan 10 buah pelan tindakan termasuk pelan strategik, pemantauan pelan tindakan dirangka menggunakan konsep matriks pelan tindakan di mana setiap pelan tindakan disenaraikan mengikut program dan tindakan untuk disemak status pelaksanaannya. Satu bengkel semakan dan penetapan KPI Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diadakan bagi menentukan KPI dan menyemak semula kandungan PTWEN.

- **Pemantauan Program KPWKM**
  Objektif ialah untuk memastikan pelaksanaan projek yang akan dijalankan menekankan pendekatan berasaskan outcome bagi memastikan *value for money*.

## PERWANI Let's Be Healthy Program

- **Monitoring Action Plan**
  The objective is to identify the status of implementation of each action plan and to ensure that all programs and actions are completed before the end of the implementation period. The monitoring of action plans and strategic plans under the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) was conducted from March 2016 to October 2016.

  Starting with 10 action plans including strategic plans, the action plan monitoring is designed using the action plan matrix concept where each action plan is listed according to the program and action to check its implementation status. A review workshop and the setting up of the National Citizens Action Plan KPI (PTWEN) was held to determine the KPI and revise PTWEN content.

- **Monitoring of the KPWKM Program**
  The objective is to ensure that the implementation of the project to be implemented emphasizes on the outcome-based approach to ensure value for money.





## Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Dengan Maktab Koperasi Malaysia

Kerjasama ini adalah platform bagi KPWKM menjalin kerjasama dengan MKM dalam usaha mengupayakan kumpulan sasar terutamanya kumpulan yang berpendapatan isi rumah B40. Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditanda tangani oleh Ketua Setiausaha KPWKM dan Ketua Pengarah MKM dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh.

## Signing Ceremony Memorandum Of Understanding (Mou) Between Ministry Of Women, Family And Community Development And Co-Operative College Of Malaysia

The collaboration is a platform for cooperation between MWFCD and MKM in empowering the targeted group mainly those in B40 household income group. The Memorandum of Understanding (MoU) was signed by Secretary General of MWFCD and Director General of MKM, witnessed by the Hon. Dato 'Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family, and Community Development and Secretary General of Ministry of Domestic Trade, Co-Operatives and Consumerism, YBhg. Dato' Sri' Jamil bin Salleh.










## Penganjuran Bengkel Semakan Dan Penetapan Kpi Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)

Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah dirangka berdasarkan Dasar Warga Emas Negara dan menggariskan Program/Tindakan di bawah 6 Teras Strategi. Bahagian Pemantauan dan Penilaian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Bengkel Semakan dan Penetapan KPI PTWEN pada 24 dan 25 Oktober 2016 bertempat di Ruang Latihan Aras 30, Bangunan KPWKM.

## National Plan Of Action For Older Persons Key Performance Index's Review And Workshop

National Plan of Action for Older Persons (PTWEN) was developed based on National Policy for Older Persons which outlined six core strategies. On 24th and 25th October 2016, Monitoring and Evaluation Division of Ministry of Women, Family and Community Development (MWFCD) has organized a workshop to review the plan of action so that it suits the current need of the elderly in Malaysia.



Bengkel ini bertujuan untuk meneliti setiap program dan tindakan di bawah setiap Teras dalam PTWEN dan menetapkan KPI ke atas setiap program dan tindakan tersebut. Bengkel ini telah disertai oleh wakil daripada agensi Kerajaan utama yang terlibat secara langsung dengan PTWEN iaitu Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan, Unit Perancang Ekonomi, JPM, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Institut Sosial Malaysia, UKM dan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, UPM.

Apart from that, the workshop was intended to collectively set the KPIs in PTWEN as its monitoring and evaluation measures. The workshop was attended by representatives from Attorney General's Chambers of Malaysia, Ministry of Finance, Public Service Department, Ministry of Education, Ministry of Higher Education, Ministry of Health, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department (EPU), Ministry of Human Resources, Ministry of Science, Technology and Innovation, Ministry of Communications and Multimedia, Department of Social Welfare, National Population and Family Development Board, Institut Sosial Malaysia, and Malaysia Research Institute of Age, Universiti Putra Malaysia.







# Bahagian Pengurusan Maklumat

## Information Management Division



### Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MANIS)

*Melalui Rolling Plan 1 (2016-¬2017)* Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk menambahbaik sistem MaNIS sebagai hub utama maklumat isu-isu sosial negara merentasi pelbagai agensi yang meliputi sektor awam, swasta, NGO dan korporat dengan memasukkan ciri-ciri baru yang lebih mesra pengguna dan boleh dicapai dalam pelbagai saluran. Hasrat KPWKM adalah menjadikan MaNIS sebagai pusat rujukan nasional seiring dengan inisiatif Data Raya Sektor Awam.

Pembangunan Sistem MaNIS yang mengandungi empat komponan utama iaitu Pembangunan Portal, Geographical Information System (GIS), Sentimen Analisis dan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) melibatkan dua fasa iaitu Fasa I iaitu Pembangunan Portal, Pembangunan GIS dan Sentimen Analisis manakala Fasa II iaitu pembangunan Aplikasi Mudah Alih.

Mesyuarat *Kick Off* MaNIS telah diadakan pada 26 Ogos 2016 yang bertujuan memaklumkan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan MaNIS tentang peranan dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa yang dilantik bagi memastikan Sistem MaNIS dibangunkan mengikut kehendak dan keperluan KPWKM.

### National Information System For Social Issues (MaNIS)

Through the 1st Rolling Plan (2016-2017) under the 11th Malaysian Plan, the Government has approved the allocation for MaNIS to improve the system as a major hub of information addressing the country's social issues across various agencies including the public sector, private sector, NGOs and corporate by introducing a new, more user-friendly features and the system to be access through variety of channels. KPWKM intention is to make the MaNIS as the national reference center, in line with the initiative of the Public Data of the Public Sector.

System development consist of four (4) components, namely Portal Development, Geographical Information System (GIS), Sentiment Analysis and Mobile Applications (Mobile Apps) involving two (2) phases: Phase I of the development of the Portal, development of GIS and Sentiment Analysis and phase II of the development of Mobile Applications.

MaNIS Kick Off Meeting was held on 26 August 2016, which aims to inform all parties involved in the development of the system on the roles and responsibilities of the appointed Committee Members to ensure the system is developed according to the requirements and needs of the Ministry.





Mesyuarat Kick Off MaNIS Yang Telah Diadakan Pada 26 Ogos 2016 Di IOI Palm Garden, Putrajaya.
*MaNIS Kick Off Meeting was held on 26 August 2016 at IOI Palm Garden, Putrajaya*

Bengkel Keperluan Pengguna Fasa 1 juga telah diadakan pada 29 – 30 Ogos 2016 yang dihadiri oleh wakil dari setiap bahagian dan agensi di KPWKM. Manakala Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Fasa 1 juga telah selesai diadakan pada 21 dan 22 November 2016 dengan kehadiran 14 orang wakil dari Kementerian dan agensi tertinggi amnya.

Phase 1 User Requirements Workshop was held on 29th to 30th August 2016 and was attended by representatives from each division in the ministry and agencies. While the Phase 1 User Acceptance Test (UAT) held on 21st and 22nd November 2016, with the attendance of 14 representatives from ministries and agencies has completed.

Bengkel Keperluan Pengguna MaNIS Fasa 1 Telah Diadakan Pada 29-30 Ogos 2016 Di IOI Palm Garden, Putrajaya
*Phase 1 User Requirements Workshop was held on 29-30 August 2016 at IOI Palm Garden, Putrajaya*









Latihan Pengguna MaNIS Fasa 1 Telah Diadakan Pada 29-30 Ogos 2016 Di MIMOS Berhad
*Phase 1 User Acceptance Test MaNIS was held on 29-30 August 2016 at IOI MIMOS Berhad*

## Projek Peluasan PDKNet 2016

PDKNet merupakan pelaksanaan program IT dan Multimedia bagi membantu golongan kurang upaya khususnya yang sedang mengikuti Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara. Melalui projek ini PDK terpilih diberi kemudahan komputer multimedia, komputer *touch screen*, pencetak, projektor dan sistem audio mudah alih.

Sebanyak 60 PDK dari seluruh negara telah terpilih bagi projek perluasan PDKNet Tahun 2016 menjadikan jumlah keseluruhan 150 PDK telah menerima kemudahan ini semenjak tahun 2003.

## PDKNet Expansion Project 2016

PDKNet is the implementation of IT and Multimedia program to help disabled people especially who are currently enrolled in the Community Rehabilitation Programme (PDK) throughout the country. Through this project the pupils be given computers multimedia, touch screen computers, printers, projectors and mobile audio system.

A total of 60 PDK from across the country were selected for expansion projects PDKnet 2016 making a total of 150 PDKs have received this facility since it was launched in 2003

## Lawatan Pemantauan Penggunaan eJKM oleh Timbalan Ketua Setiasusaha (Operasi) ke Institusi Rumah Seri Kenangan Kemumin, Kelantan

Satu lawatan pemantauan penggunaan eJKM yang diketuai oleh YBhg. Dato' Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM telah diadakan pada 17 Mac 2016 bertempat di Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Kota Bharu, Kelantan. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau status penggunaan Sistem eJKM di peringkat daerah dan institusi serta mendapatkan maklumbalas secara terus dari pengguna sistem.

Melalui lawatan pemantauan ini diharapkan penggunaan Sistem eJKM dapat dipertingkatkan secara lebih meluas dan membantu mempercepatkan proses kerja yang berkaitan serta kefahaman pengguna mengenai Sistem eJKM meningkat.

## eJKM usage Monitoring Visits by Deputy Chief Secretary to Rumah Seri Kenangan Kemumin, Kelantan

A visits headed by Dato' Wee Ee Beng, Deputy Secretary General (Operations) of the ministry was held on 17 March 2016 at the Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin, Kota Bharu, Kelantan. The visit aimed to monitor the usage status of eJKM system and institutions at the district level and get direct feedback from the users.

Through these visits the ministry can increase the system's usage and helped speed up the job related process and improved user's comprehension of the system increased.





## Bengkel Penggunaan eJKM Fasa 2 Siri 1/2016 (Modul Pengurusan Kemasukan Warga Emas ke Institusi)

Unit eMasyarakat telah mengadakan satu Bengkel Penggunaan eJKM bermula pada 24 hingga 28 April 2016. Bengkel ini menumpukan Modul Pengurusan Kemasukan Warga Emas ke Institusi sebagai fokus latihan. Seramai 20 orang peserta dari Rumah Seri Kenangan (RSK) seluruh negara telah mengikuti bengkel ini bertempat di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi. Latihan terperinci secara *hands on* tentang pelaksanaan dan pengurusan sistem eJKM di peringkat institusi dan memperoleh maklumbalas daripada peserta mengenai isu dan masalah yang dihadapi semasa menggunapakai Sistem eJKM.

## eJKM Workshop Phase 2, 1/2016 Series

The eMasyarakat Unit held a Workshop on Using eJKM starting on 24 to 28 April 2016. The five-day workshop will focus Elderly Entry Management Module to institutions as the focus of training. A total of 20 participants from Rumah Seri Kenangan (RSK) across the country attended the workshop held at the Industrial Training and Rehabilitation Centre (agreement), Bangi. Through this workshop, they were given a detailed hands-on training on the implementation and management of eJKM system at the institutional level. Obtain feedback from participants on issues and problems faced when applying eJKM system.

## Kaji Semula Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Versi 3.0

DKICT Versi 3.0 telah dikaji semula bagi penambahbaikan klausa Peralatan Mudah Alih dan Kerja Jarak Jauh. DKICT Versi 3.1 telah mendapat kelulusan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM dalam mesyuarat JPICT Bil 3/2016 yang diadakan pada 23 November 2016.

## ICT Security Policy Review Version 3.0

DKICT Version 3.0 was reviewed to improve the Mobile Devices and Teleworking clauses. The new Version 3.1 has been approved by the Chief Secretary-General in the 3rd ICT Steering Committee meeting that was held on 23 November 2016.

## Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT

Perolehan Perkakasan ICT seperti komputer desktop dan komputer riba telah diterima pada awal Januari 2016 dan telah didaftar sebagai aset alih kerajaan.

Di bawah projek RMK-11 iaitu Pembangunan Portal Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MaNIS), sebanyak 21 unit server telah diterima dan didaftarkan sebagai aset kerajaan.

## Procurement of ICT Hardware and Software

Procurement of ICT hardware such as desktop computers and laptops were received in early January 2016 and has been listed as government assets.

Under the 11TH Malaysian Plan, Portal Development of National Information System for Social Issues project, a total of 21 server unit has been received and registered as state property.

## Latihan ICT – Bidang Keselamatan ICT

Bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran pegawai di bawah Skim F (Sistem Maklumat) dalam bidang *Network* dan *Security* di Kementerian dan Agensi, BPM telah menganjurkan beberapa siri latihan seperti:

- **Advanced Web Hacking & Security (Certified)**
  Kursus ini diadakan pada 19 hingga 22 September 2016 bertempat di Phileo Damansara, Petaling Jaya yang dianjurkan oleh syarikat *Condition Zebra*.

- **Network Security & Penetration Testing (Certified)**
  Kursus ini diadakan sebanyak dua sesi iaitu pada 8 hingga 11 Ogos 2016 dan 19 hingga 22 September 2016 di Phileo Damansara, Petaling Jaya yang dianjurkan oleh syarikat Condition Zebra. Seramai lima orang pegawai yang menghadiri kursus ini adalah wakil dari Unit IT NIEW, Unit OR JKM, Unit IT LPPKN dan Unit OR, BPM KPWKM.

- **Security Posture Compliance, Assessment & Penetration Testing (SPCA)**
  Kursus ini diadakan pada 26 hingga 30 September 2016 bertempat di Mines Waterfront Business Park, Seri Kembangan yang dianjurkan oleh MAMPU. Seramai dua orang pegawai dari Unit Operasi dan Rangkaian (OR) BPM, KPWKM telah menghadiri kursus ini.

## Projek Security Posture Assessment (SPA) Anjuran Pihak MAMPU

SPA telah dilaksanakan di KPWKM oleh agensi *Cyber Security Malaysia* (CSM) yang dilantik oleh pihak MAMPU. SPA dijalankan selama tiga bulan di Bahagian Pengurusan Maklumat, bermula pada 29 Ogos hingga 12 Oktober 2016. Projek ini melibatkan

## ICT Training - ICT Security Field

To improve the skills and expertise of employees under the F Scheme (Information Systems) in the field of Network and Security in the Ministry and the Agency, BPM has organized a series of training such as:

- **Advanced web hacking & security (certified)**
  The course was held from 19 to 22 September 2016 at the Phileo Damansara, Petaling Jaya, organized by the Condition Zebra company.

- **Network Security & Penetration Testing (Certified)**
  The course was held in two sessions, from 8 to 11 August 2016 and 19 to 22 September 2016 at the Phileo Damansara, Petaling Jaya, organized by the Condition Zebra Company. A total of five (5) officers attended the course. They were representatives of the IT Unit from NIEW, OR Unit from the welfare department,LPPKN IT Unit and OR Unit from BPM KPWKM.

- **Security Posture Compliance, Assessment & Penetration Testing (SPCA)**
  The course was held on 26 to 30 September 2016 at the Mines Waterfront Business Park, Seri Kembangan organized by MAMPU. There were two officers from the Operations and Network Unit (OR) BPM, KPWKM attended the course.

## Security Posture Assessment Project (SPA) Organized By MAMPU

Security Posture Assessment (SPA) has been implemented in the Ministry by the Cyber Security Malaysia agency (CSM) appointed by MAMPU. SPA was conducted in three months in the Information Management Division, from 29 August to 12 October







Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT (SPA)
Network Security Level and ICT System Assessment (SPA)

server-server kritikal yang ditempatkan di Pusat Data KPWKM dan Pusat Data JKM.

Skop SPA yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:
i. *14 Server*
ii. *1 Database*
iii. *1 Network Device*
iv. *1 Network Architecture*
v. *1 Web Application*
vi. *Physical Security*
vii. *Policy Security Review*

### *Penetration Testing*

*Penetration Testing (Pentest)* telah dilaksanakan pada 29 Jun hingga 2 September 2016 oleh syarikat Condition Zebra selama tiga bulan di Bahagian Pengurusan Maklumat. Pentest tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu *Web Application Pentest* dan *Network Pentest*. Skop pentest adalah seperti berikut:

i. Portal KPWKM
ii. InfoNUR
iii. Talian Kasih
iv. DCM-MaNIS
v. eParlimen
vi. ILMU

2016. The project involves critical servers are placed in the Data Center Data Center ministry and department.

SPA agreed scope is as follows:
i. 14 Server
ii. 1 Database
iii. 1 Network Device
iv. 1 Network Architecture
v. 1 Web Application
vi. Physical Security
vii. Security Policy Review

### Penetration Testing

Penetration Testing (Pentest) was implemented from June 29 to September 2nd 2016 by Condition Zebra Company for three (3) months in the Information Management Division. Pentest is divided into two (2) categories: Web Application and Network Pentest Pentest. Pentest scope is as follows:

i. Portal KPWKM
ii. InfoNUR
iii. Talian Kasih
iv. DCM-MaNIS
v. eParlimen
vi. ILMU

## Projek Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam usaha membuat penambahbaikan berterusan keselamatan maklumat secara menyeluruh.

Bagi mematuhi pengauditan ISMS, pihak BPM KPWKM telah mengadakan Bengkel mengemaskini Maklumat ISMS dalam Sistem MYRAM 2.0 pada 11 Oktober 2016.

Audit Dalam ISMS telah dilaksanakan pada 21 hingga 23 November 2016. Pasukan Audit Dalam yang diketuai oleh Pn. Masliyana Binti Azmi dari SPRM, dibantu oleh wakil dari Kementerian Luar Negeri Pn. Zainatun Nadhrah Binti Azmi, En. Rosli Bin Mohd Salleh dari NIEW dan En. Dzairul Ekhzan Bin Khalid dari JKM. Pada 23 November 2016, Laporan Audit Dalam ISMS tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penutup Audit Dalam ISMS yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKSU (O).

Pasukan pelaksana akan melaksanakan ISMS selari dengan keperluan ISO/IEC27001:2013. Komitmen daripada semua pihak yang terlibat amatlah perlu bagi memastikan pelaksanaan ISMS di KPWKM dilaksanakan dengan berkesan.

## Pelupusan Aset Alih KPWKM

Pelupusan Aset ICT KPWKM secara hadiah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dilaksanakan pada 30 Jun 2016 sebanyak 50 unit komputer. Pada 14 Disember 2016 sebanyak 93 unit komputer telah dilupuskan secara e-Waste kerana peralatan tersebut telah lama, rosak, tidak boleh digunakan dan tidak seiringan teknologi terkini.

## ISO Certification / IEC 27001: 2013 Information Security Management System Project (ISMS)

The Ministry of Women, Family and Community Development is in line to make continuous improvement of information security as a whole.

In compliance with the ISMS audit, the ministry has conducted Workshop: ISMS Information System My RAM 2.0 on October 11, 2016.

In the ISMS audit that was conducted from 21st to 23rd November 2016. In the audit team lead by Mrs. Masliyana Binti Azmi from MACC, assisted by representatives of the Ministry of Foreign Affairs Mrs. Zainatun Nadrah Binti Azmi, Mr. Rosli Bin Mohd Salleh from NIEW and Mr. Dzairul Ekhzan Bin Khalid from Social Welfare Department. On 23 November 2016, the ISMS Internal Audit Report has been presented in the ISMS Audit Closing Meeting was chaired by Dato' Deputy Secretary General (O).

ISMS implementation team will perform in line with the requirements of ISO / IEC27001: 2013. The commitment of all parties involved is necessary to ensure the implementation of the ISMS in the ministry implemented effectively.

## Asset Disposal Management KPWKM

The Dispose ICT Assets in the ministry as a gift to the Social Welfare Department has been held on 30 June 2016 with 50 units of computers. On 14 December 2016 with 93 units of computers were disposed through e-waste because the equipment was unusable and not alongside the latest technology.





# Bahagian Akaun
## Accounts Division

## Objektif
## Functions

**Objektif utama Bahagian Akaun adalah:**
**The main functions of the Accounts Division are:**

Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

To enhance the accountability and transparency of financial and accounting management of the Federal Government.

Memastikan transaksi kewangan dan perakaunan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

To ensure the financial and accounting transactions are accurately accounted and in compliance with the standard.

Menyediakan maklumat kewangan dan perakaunan yang tepat bagi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang berkualiti dan mengikut jadual.

To provide accurate financial and accounting information for the preparation of the Financial Statements of the Federal Government's.

Memastikan pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa melalui pelaksanaan naziran bayaran, pemantauan dan audit terimaan.

To ensure compliance with regulations through the implementation of payment, monitoring and receipting audit.

Memberi khidmat nasihat yang berkualiti berkaitan perkhidmatan kewangan dan perakaunan mengikut keperluan pelanggan.

To provide advice related to financial and accounting services.

## Laporan Aktiviti

### Pengumpulan Data Bagi Perakaunan Akruan

Seksyen Pengurusan Perakaunan di Bahagian Akaun adalah bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti-aktiviti pengumpulan data bagi persediaan dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan mulai tahun 2018. Maklumat mengenai Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima akan dilaporkan secara bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Data Perakaunan Akruan kemudiannya dipindahkan ke server 1GFMAS mengikut masa yang ditetapkan oleh JANM.

Status pengumpulan data perakaunan akruan pada 31 Disember 2016 mengikut kategori aset dan liabiliti adalah seperti berikut:-

- **Aset Tak Alih**
  Aset Tak Alih terdiri daripada tanah dan bangunan agensi-agensi di bawah Kementerian. Sejumlah 90 rekod tanah milik Kerajaan Persekutuan telah dimasukkan di dalam senarai Aset Tak Alih, iaitu melibatkan 75 rekod tanah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan 15 rekod tanah di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Sejumlah 90 rekod tanah telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan nilai tanah berjumlah RM1.056 billion. Jumlah ini adalah berdasarkan nilai kos perolehan atau kos nominal RM1 yang digunakan sebagai asas perekodan baki awal.

  Bagi bangunan milik Kementerian seperti institusi-institusi di bawah JKM dan JPW yang terletak di negeri-negeri di Malaysia, sebanyak 87 bangunan telah dikenalpasti dimana 71 bangunan bagi JKM dan 16 bangunan bagi JPW. Sehingga 31 Disember 2016, 87 rekod bangunan telah dinilai dengan nilai keseluruhan RM569.3 juta.

## Activities Analysis

### Data Collection For Accrual Accounting

Management Accounting Section in Account Division is responsible to coordinate data collection activities for the preparation of the implementation Accrual Accounting starting from year 2018. The information regarding Moveable and Non-Moveable Asset, Asset Under Construction, Account Payable and Account Receivable will be reported monthly to the Accountant General Department of Malaysia (JANM). Accrual accounting data then will be migrated to 1GFMAS server according to the time stipulated by JANM.

As at 31 December 2016, the status of Accrual Accounting data collection by categories of assets and liabilities are as below:-

- **Immovable Assets**
  Immovable assets consisted of agencies' lands and buildings under the Ministry. A total of 90 Federal ownership of land records have been included in the list of Immovable Assets opening balances, namely involving 75 record under the Social Welfare Department (JKM) and 15 land records under the Women's Development Department (JPW). A total of 90 land records has been evaluated by the Valuation and Property Services Department (JPPH) and the present value of the land is RM1,056 billion. This amount is based on the assumption that the cost of acquisition or deemed cost RM1 of the land being used as a basis of measurement for opening balances.

  For the Ministry's building like the institutions under JKM and the JPW located in the states within Malaysia, a total of 87 buildings have been identified for measurement of opening balances respectively 71 for JKM and 16 for the JPW. Until 31 December 2016, 87 records building have been evaluated with overall value RM569.3 million.

**Jadual 1: Pecahan Aset Tak Alih Mengikut Agensi**
**Table 1: Numbers and values of Immovable Assets by Agencies**

| Agensi *Agency* | Tanah / *Land* | | Bangunan / *Building* | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan *Number* | Nilai (RM) *Value (RM)* | Bilangan *Number* | Nilai (RM) *Value (RM)* |
| JKM | 75 | 1,054,644,583.00 | 71 | 554,328,600.00 |
| JPW | 15 | 2,207,014.00 | 16 | 14,995,000.00 |
| **Jumlah / *Total*** | **90** | **1,056,851,597.00** | **87** | **59,323,600.00** |

- **Aset Alih**
  Aset Alih terdiri daripada harta modal dan aset bernilai rendah yang telah direkodkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian yang menggunakan Sistem Pengurusan Aset (SPA). Sehingga 31 Disember 2016, jumlah Aset Alih yang dikemaskini dalam sistem berjumlah RM87,383,544.31 bagi harta modal (12,733 unit) dan RM36,568,457.78 bagi aset bernilai rendah (94,298 unit).

- **Movable Assets**
  Movable assets consist of Capitalised Assets and Low Value Assets that have been recorded by agencies under the Ministry using Asset Management System (SPA). Until 31 December 2016, the total movable assets updated in the system amounted to RM87,383,544.31 for Capitalised Assets (12,733 units) and RM36,568,457.78 for Low Value Assets (94,298 units).

**Carta 1: Bilangan Aset Alih Mengikut Agensi**
**Chart 1: Numbers Of Movable Assets By Agencies**




**Carta 2: Nilai Aset Alih Mengikut Agensi**
**Chart 2: Value Of Movable Assets By Agencies**




- **Aset Dalam Pembinaan**
  Bagi Aset Dalam Pembinaan, sebanyak lima projek disenaraikan untuk baki awal pengumpulan data pada tahun 2016 dengan perbelanjaan terkumpul sebanyak RM145,755,316.56, iaitu:

**Projek 1** : Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Fasa 2;
**Projek 2** : Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor;
**Projek 3** : Pembinaan semula kuarters di JKM termasuk RSK Bedong Kedah, RKK Taman Bakti di Pulau Pinang, RSK Tanjung Rambutan di Perak dan RKK Tg. Ampuan Fatimah di Pahang;
**Projek 4** : Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak;
**Projek 5** : Naik taraf Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang.

- **Asset Under Construction**
  For Asset Under Construction (AUC), a total of five (5) projects listed for data collection opening balances in 2016 with the cumulative expenses RM145,755,316.56, namely:

**Project 1** : Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Fasa 2
**Project 2** : Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor
**Project 3** : Redevelopment of JKM quarters including RSK Bedong in Kedah, RKK Taman Bakti in Pulau Pinang, RSK Tanjung Rambutan in Perak dan RKK Tg. Ampuan Fatimah in Pahang
**Project 4** : Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak
**Project 5** : Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang.

**Carta 3 : Aset Dalam Pembinaan (Perbelanjaan Terkumpul)**
**Chart 3: Asset Under Construction (Cumulative Expenses)**




- **Akaun Belum Bayar**
  Akaun Belum Bayar terdiri daripada Deposit dan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) yang dipegang oleh Kementerian dan agensi. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah keseluruhan Akaun Belum Bayar berjumlah RM1,067,468.91 seperti berikut:

- **Accounts Payable**
  Accounts Payable consist of Deposits and Implementation Project Guarantee (WJP) held by the ministry and agencies. Until 31 December 2016, the total accounts payable amounted to RM1,067,468.91 as follows:

**Carta 4: Akaun Belum Bayar**
**Chart 4: Accounts Payable**








**Carta 5 : Akaun Belum Terima**
**Chart 5: Accounts Receivable**




## Program Latihan Pengurusan Perakaunan dan Kewangan

Beberapa siri latihan berkaitan kewangan dan perakaunan akruan telah dianjurkan oleh Bahagian Akaun seperti di bawah:-

## Accounting and Finance Training Program

During the year 2016, a series of related training on finance and accruals accounting were organized by the Accounts Division as below:

| Bil. *No.* | Nama Kursus *Courses Name* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1. | Kursus Pengurusan Akaun, Gaji, Bayaran dan Terimaan – Zon Sabah dan Sarawak<br>Financial Management Course - Borneo Zone | 26-28 April 2016<br>26-28 April 2016 | Akademi Kastam Diraja Malaysia Sabah, Kota Kinabalu |
| 2. | Latihan 1GFMAS - Modul HCM<br>1GFMAS Training – HCM Module | 25-28 April 2016<br>25-28 April 2016 | Makmal Latihan, Aras 33 KPWKM |
| 3. | Kursus Pengurusan Akaun, Gaji, Bayaran dan Terimaan – Zon Timur<br>Financial Management Course – Eastern Zone | 23-25 Ogos 2016<br>23-25 August 2016 | Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Kuala Terengganu |





## Naziran eSPKB

Bahagian Akaun mengambil alih tugas pelaksanaan Naziran eSPKB ke atas sembilan PTJ di bawah seliaan KPWKM daripada Bahagian Akaun Kementerian Kewangan mulai tahun 2015. PTJ yang terlibat adalah:

- Bahagian Kewangan KPWKM
- Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita
- Institut Sosial Malaysia
- Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi
- Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras

Lima daripada sembilanPTJ ini mendapat pencapaian Cemerlang (90%-100%), tiga dinilai sebagai Baik (80%-89%) dan satu mendapat markah Memuaskan (70%-79%) pada tahun 2016. Perbandingan pencapaian Naziran eSPKB bagi sembilan PTJ tersebut di antara tahun 2015 dan 2016 adalah seperti Jadual 2.

## Monitoring eSPKB

The Accounts Division began to take over the task of monitoring eSPKB over nine (9) Responsibility Centre (PTJ) under the supervision of the Ministry from the Accounts Division, Ministry of Finance with effect from 2015. PTJ involved are:

- Finance Division of KPWKM
- Head Office of Social Welfare Department (JKM)
- Head Office of Women's Development Department (JPW)
- Social Institute of Malaysia (ISM)
- NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi
- Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras

From these nine (9) PTJ, five (5) of them scored Excellent (90%-100%), three (3) were rated as Good (80%-89%) and one (1) had achieved Satisfactory score (70%-79%) in the year 2016. Comparison of eSPKB achievement for 9 PTJ between 2015 and 2016 is shown in Table 2.

**Jadual 2 : Pencapaian Naziran eSPKB bagi tahun 2015 dan 2016**
***Table 2 : Comparison of eSPKB achievement between 2015 and 2016***

| Bil. *No.* | Pusat Tanggungjawab *PTJ* | 2015 | | 2015 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | (%) | Pencapaian *Achievement* | (%) | Pencapaian *Achievement* |
| 1. | Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita<br>Head Office of JPW | 87.37 | Baik<br>Good | 93.92 | Cemerlang<br>Excellent |
| 2. | Pejabat Pembangunan Wanita WPKL/Putrajaya<br>Head Office of Pembangunan Wanita WPKL/Putrajaya | 93.34 | Cemerlang<br>Excellent | 92.74 | Cemerlang<br>Excellent |
| 3. | NIEW<br>NIEW | 78.09 | Memuaskan<br>Satisfactory | 91.62 | Cemerlang<br>Excellent |
| 4. | Institut Sosial Malaysia<br>Institut Sosial Malaysia | 90.03 | Cemerlang<br>Excellent | 91.21 | Cemerlang<br>Excellent |
| 5. | Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras<br>Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras | 84.28 | Baik<br>Good | 90.88 | Cemerlang<br>Excellent |
| 6. | Jabatan Kebajikan Masyarakat WPKL<br>Jabatan Kebajikan Masyarakat WPKL | 72.87 | Memuaskan<br>Satisfactory | 89.77 | Baik<br>Good |
| 7. | Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat<br>Head Office of JKM | 78.50 | Memuaskan<br>Satisfactory | 88.74 | Baik<br>Good |
| 8. | Bahagian Kewangan KPWKM<br>Finance Division of KPWKM | 83.27 | Baik<br>Good | 80.85 | Baik<br>Good |
| 9. | Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi<br>Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi | 73.51 | Memuaskan<br>Satisfactory | 76.82 | Memuaskan<br>Satisfactory |

Penilaian Naziran eSPKB ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian ke atas dokumen *sampling* yang diambil dan juga skop semakan naziran yang telah dijalankan seperti berikut:-

- Waran Peruntukan
- Baucar Bayaran
- Baucar Jurnal
- Waran Perjalanan Udara Awam Pukal
- Proses Penyediaan Dokumen Kewangan
- Penyenggaraan Laporan
- Pengurusan Dokumen Kewangan
- Pengurusan Pengguna

Naziran eSPKB ke atas PTJ Kementerian di seluruh negara dilaksanakan oleh pasukan naziran di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan ke atas 70% PTJ di bawah seliaan masing-masing. Analisa naziran ke atas prestasi pematuhan 145 PTJ Kementerian di seluruh Malaysia terhadap peraturan kewangan yang berkuat kuasa adalah seperti di Carta 6. Sebanyak 69.7% (101 PTJ) daripada keseluruhan 145 PTJ yang dinazir telah mendapat pencapaian Cemerlang, 23.4% (34 PTJ) di tahap Baik, 6.2% (9 PTJ) di tahap Memuaskan dan 0.7% (1 PTJ) di tahap Kurang Memuaskan.

Inspectorate assessment of eSPKB is based on the observation on the sampling documents taken as well as the scope of the monitoring review as follows:

- Allocation Warrant
- Payment Voucher
- Journal Voucher
- Public Air Travel Warrant (WPUA)
- Process of Preparing Financial Documents
- Maintenance of Financial Reports
- Financial Documents Management
- Users Management

eSPKB monitoring over Ministry's PTJ throughout the country had been carried out by the Accountant General of Malaysia's State/Branch offices on 70% of the PTJ under their supervision. An analysis on the compliance performance of 145 Ministry's PTJ over financial regulations is provided in Chart 6. 69.7% (101 PTJ) of 145 PTJ monitored had managed to score Excellent, 23.4% (34 PTJ) were rated as Good, 6.2% (9 PTJ) scored Satisfactory, and 0.7% (1 PTJ) was rated Less Satisfactory.

**Carta 6 : Prestasi Pencapaian naziran eSPKB bagi PTJ KPWKM Tahun 2016**
**Chart 6 : eSPKB Monitoring Performance for the year 2016**








## Pengauditan Dokumen Akaun Terimaan (DAT)

Selaras dengan AP139, tanggungjawab Bahagian Akaun KPWKM selaku Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri untuk memastikan supaya pemantauan dan penyeliaan hasil dilakukan. Mulai tahun 2015, Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab untuk melaksanakan Audit Terimaan ke atas Dokumen Akaun Terimaan (DAT) daripada semua Pejabat Pemungut Kementerian di seluruh negara. Sebanyak 1,955 DAT telah dikemukakan oleh Pejabat Pemungut sepanjang tahun 2016, iaitu purata 163 DAT diterima setiap bulan selewat-lewatnya pada 10hb bagi DAT bulan sebelumnya, seperti yang diperuntukkan dalam AP145.

Bahagian Akaun KPWKM telah melaksanakan Naziran Terimaan ke atas lima Pejabat Pemungut terpilih iaitu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kluang, PKMD Segamat, PKMD Sepang, PKMD Bandar Baharu dan PKMD Sik.

Pengauditan DAT dilaksanakan berdasarkan skop pengauditan seperti berikut:

- Penghantaran Dokumen Terimaan Dalam Tempoh Ditetapkan
- Kebenaran Mengutip Wang/Menulis, Menandatangani Dan Membatalkan Resit/ Merekod Dan Menyemak Buku Tunai
- Kawalan Terhadap Penerimaan Dan Pengeluaran Stok Resit Serta Lain-Lain Dokumen Terkawal
- Perekodan Di Resit/Buku Tunai/Penyata Pemungut
- Penyeliaan Ke Atas Resit/Buku Tunai/Penyata Pemungut
- Pungutan Dibankkan Dalam Tempoh Ditetapkan
- Maklum Balas Pemerhatian Ketidakpatuhan Adalah Lengkap

Analisa prestasi pematuhan DAT mengikut skop pengauditan adalah seperti di Carta 7.

## Auditing On Accounts Receivable Documents (DAT)

In accordance with AP139, it is the responsibility of the Accounts Division as Self Accounting Department to ensure that monitoring and supervision of the revenue and cash receipt been conducted. Starting year 2015, the Accounts Division is responsible for implementing Audit Receipts on Accounts Receivable Documents (DAT) from all the Collector Offices under the Ministry throughout the country. A total of 1,955 DAT were submitted by the Collector Offices in the year 2016, the proportion of 163 DAT received each month not later than the 10th day of the month for DAT from the previous month, as provided in AP145.

Inspections had also been conducted to five (5) selected Collector Offices during 2016, namely Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kluang, PKMD Segamat, PKMD Sepang, PKMD Bandar Baharu and PKMD Sik.

Auditing on DAT is based on the scope as follows:

- The Submission Of Accounts Receivable Documents Within The Allocated Time
- Permission to Collect Money/ Writing, Signing and Cancelling the Receipt/ Record and Cash Book Review
- Control Over Acceptance And Disbursement Of Stock Receipt And Other Controlled Documents
- The Records Of Receipts/Cash Book/ CollectorStatement
- Supervision Over Receipts/Cash Book/Collector Statement
- Collection Need To Bank-In Within Allowable Time Frame
- Completeness of the Compliance Observations Feedback Statement

DAT compliance performance analysis within the scope of the audit is shown in Chart 7.

**Carta 7 : Prestasi Pematuhan DAT**
**Chart 7 : DAT Compliance Performance**






## Pengurusan Bayaran

Bahagian Akaun bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengemukakan maklumat Laporan Prestasi Bil dan Tuntutan Bagi Kementerian dan Jabatan di bawah KPWKM ke Jabatan Perdana Menteri melalui sistem e-Laporan JPM.

Sebanyak 67,416 bil dan tuntutan telah diproses di Kementerian dan Jabatan termasuk Pusat Tanggungjawab di negeri-negeri. Prestasi bil bagi tempoh 1-7 hari adalah 96.18 % dengan bil dan tuntutan sebanyak 64,843 . Manakala bagi tempoh 8-14 hari adalah 3.67% dengan bil dan tuntutan sebanyak 2,474. Pecahan dan prestasi pembayaran bil dan tuntutan adalah seperti di Carta 8:

## Payment Management

The Accounts Division is responsible in consolidation of data for Bills and Claims Payment Performance Report for the Ministry and Departments under the Ministry. The report is submitted to the Prime Minister's Department (JPM) through e-Laporan JPM system.

A total of 67,416 bills and claims has been processed at the Ministry and Departments level including Responsibility Centre (PTJ) at the states. 96.18 % or 64,843 bills and claims were processed within one (1) to seven (7) days while 3.67% or 2,474 bills and claims were processed within eight (8) to 14 days. The breakdown of performance are as Chart 8.

**Carta 8 : Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2016**
**Chart 8 : Bills and Claims Payment Performance At Ministry and Departments For Year 2016**



**Carta 9 : Jumlah Pembayaran Bil dan Tuntutan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2016**
**Chart 9: Total Payment of Bills and Claims At Ministry and Departments For Year 2016**




## Pengurusan Gaji

Bahagian Akaun turut bertanggungjawab dalam pengurusan gaji bagi lapan Pusat Pembayar di Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat KPWKM, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), *NAM Institute For The Empowerment of Women* (NIEW), Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi.

Sebanyak RM65.83 juta telah dibelanjakan berdasarkan jumlah pendapatan kasar bagi pembayaran gaji 1,243 kakitangan di lapan Pusat Pembayar seperti berikut:

## Payroll Management

The Accounts Division is also responsbile in managing payroll for eight (8) Pay Center at Klang Valley area consisting the Ministry, Social Welfare Department (JKM), Women's Development Departmnet (JPW), Social Institute of Malaysia (ISM), NAM Institute For The Empowerment of Women (NIEW), Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi.

RM65.83 million has been spent according to the total gross income of 1,243 employees at eight Pay Center as below:





**Carta 10 : Jumlah Pendapatan Kasar dan Potongan Gaji Kakitangan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2016**
**Chart 10: Total Gross Income and Payroll Deduction Employees At Ministry and Departments For Year 2016**




## Pengurusan Akaun

**Penyata Penyesuaian Vot, Hasil dan Amanah**
Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab memastikan semua PTJ mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan dengan betul melalui semakan terhadap Penyata Penyesuaian Vot, Hasil dan Amanah yang disediakan oleh PTJ setiap bulan tanpa gagal. Segala kesilapan mengakaunkan perbelanjaan dan terimaan diselaraskan dan dibuat penyesuaian dengan kadar segera.

## Management of Accounts

**Reconciliation of Vote, Revenue and Trust Fund**
Accounts Division is responsible for ensuring all receipts and expenditure accounted precisely and properly through a monthly review of Reconciliation Vote, Revenue and Trust Fund prepared by PTJ. Any errors or unreconciled items will be adjusted accordingly.

**Akaun Penyelesaian Cek dan EFT Terbatal (APCT)**
Berkuatkuasa 1 Jun 2016, Bahagian Akaun KPWKM telah mengambil alih tanggungjawab dari Bahagian Akaun Kementerian Kewangan dalam pengurusan APCT bagi sembilan PTJ KPWKM meliputi tugas berikut:

- Memproses permohonan penggantian Cek dan EFT terbatal;
- Memproses permohonan pelarasan APCT ke Vot atau Akaun Hasil;dan
- Memproses permohonan bayaran balik hasil (Penggantian APCT yang telah diselaraskan ke Akaun Hasil)

Bahagian ini telah berjaya memproses penggantian APCT 100% dalam tempoh 14 hari dan berjaya mengurangkan baki APCT sebanyak 48.15% berjumlah RM1.095 juta berbanding baki tahun 2015 sepanjang menguruskan APCT tersebut.

**Pengurusan Deposit**
Bahagian Akaun turut bertanggungjawab membantu PTJ mengenalpasti semua deposit-deposit yang masih belum dipulangkan kepada pendeposit asal. Sepanjang tahun 2016, Bahagian ini telah berjaya mengosongkan baki-baki deposit yang telah tamat tempoh pegangan bernilai RM50,243.50 melalui tindakan pewartaan.

**Settlement Account For Void and Rejection of Cheque and Electronic Fund Transfer (APCT)**
Effective June 1, 2016, the Accounts Division of KPWKM has taken over the responsibility of the Ministry of Finance in managing this account for nine PTJ under Ministry including these following tasks:

- Processing applications for reimbursement check and EFT void;
- Processing application for adjustments APCT to vote or revenue account;
- Processing application for reimbursement APCT which has been adjusted to revenue account.

As at December 2016, the division is able to process 100% replacement within fourteen (14) days and have managed to reduce 48.15% of APCT worth of RM1.095 million compared to the remainder of 2015.

**Deposits Management**
In addition, the Accounts Division is also responsible for assisting PTJ to identify all deposits that have yet to be returned to the original depositor. Throughout 2016, the Division had successfully cleared the balances of deposits that have expired worth of RM50,243.50 through the proclamation.





# Unit Penasihat Undang-undang

## Legal Advisory Unit



**Aktiviti-aktiviti yang telah disertai Unit PUU sepanjang 2016 adalah:**
**Activities that have been participated by the PUU Unit throughout 2016 are:**

| Bil. *No.* | Aktiviti *Activities* | Tarikh *Date* | Input *Input* |
|---|---|---|---|
| **Wanita** ***Women*** | | | |
| 1. | Sesi Pertemuan dan Perbincangan bersama wakil-wakil *National Council of Women's Organisation* berhubung NCWO's *Law Reform Memorandum (Priority Areas).* Meeting Session and Discussion with representatives from National Council of Women's Organisation regarding NCWO's Law Reform Memorandum (Priority Areas) | 13 Januari 2017 13 January 2017 | Dihadiri oleh PUU1. Attended by PUU1. |
| 2. | *Regional Review on Laws, Policies and Practices within Asean Relating to the Identification, Management and Treatment of Victims of Trafficking, Especially Women and Children.* Regional Review on Laws, Policies and Practices within Asean Relating to the Identification, Management and Treatment of Victims of Trafficking, Especially Women and Children.<br><br>**Tempat:** Bilik Mesyuarat Aras 36<br>**Venue:** Meeting Room, Level 36 | 14 April 2016 14 April 2016 | Dihadiri oleh PUU1 berkenaan undang-undang pemerdagangan wanita dan kanak-kanak. Attended by PUU1 regarding women and children trafficking. |
| 3. | Perbincangan dengan Datuk SG II Berkenaan Laporan Negara CEDAW Ketiga, Keempat dan Kelima. Discussion with Datuk SG II regarding the Third, Fourth, and Fifth CEDAV Country Report.<br><br>**Tempat:** Jabatan Peguam Negara<br>**Venue:** National Lawyer Department | 14 April 2016 14 April 2016 | Dihadiri oleh PUU1 berkenaan laporan CEDAW. Attended by PUU1 regarding CEDAV report. |
| **Kanak-kanak** ***Childrens*** | | | |
| 4. | Program *Knowledge Sharing: Child Protection and Best Practices* Program Knowledge Sharing: Child Protection and Best Practices<br><br>**Tempat:** Dewan Perdana Nur KPWKM<br>**Venue:** Dewan Perdana Nur KPWKM | 13 Januari 2016 13 January 2016 | Dihadiri oleh PUU1 berkenaan cara terbaik memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Presented by PUU1 regarding the best way to protect children. |
| 5. | LAB Penyediaan Peraturan/Garis Panduan/SOP Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2015 LAB Rules Preparation/Guidelines/ SOP of Children Act (Amendment) 2015<br><br>**Tempat:** ILKAP<br>**Venue:** ILKAP | 19-21 Februari 2016 19-21 February 2016 | Unit PUU telah turut serta sebagai pembentang mengenai Akta Kanak-kanak dan juga fasilitator. PUU Unit joined as presenters regarding Children Act and facilitator |
| **Sesi Taklimat Berkenaan Ruu Kanak-Kanak (Pindaan) 2015** ***Media Session Briefing for Children*** | | | |
| 6. | Sesi Media Briefing RUU Kanak-kanak (Pindaan) 2015 Media Session Briefing for Children Bill (Amendment) 2015 | 18 Januari 2016 18 January2016 | |

| Bil. *No.* | Aktiviti *Activities* | Tarikh *Date* | Input *Input* |
|---|---|---|---|
| | **Tempat**: Auditorium ISM<br>**Venue**: Auditorium ISM | | |
| 7. | Taklimat RUU KK (Pindaan) 2015 kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan<br>Briefing for RUU KK (Amendment) 2015 to Non Governmental Organisation (NGO)<br><br>**Tempat**: Dewan Perdana Kasih KPWKM<br>**Tempat**: Dewan Perdana Kasih KPWKM | 23 Februari 2016<br>23 February 2016 | |
| 8. | Taklimat RUU KK (Pindaan) 2015 kepada D11 PDRM<br>Briefing for RUU KK (Amendment) 2015 to Non Governmental Organisation (NGO)<br><br>**Tempat**: Child Interview Centre (CIC)<br>**Venue**: Child Interview Centre (CIC) | 4 Mac 2016<br>4 March 2016 | |
| 9. | Taklimat RUU KK (Pindaan) 2015 kepada YBTM dan Tan Sri Lee Lam Thye<br>Briefing for RUU KK (Amendments) 2015 to YBTM and Tan Sri Lee Lam Thye<br><br>**Tempat**: Bilik Mesyuarat, Aras 31<br>**Venue**: Meeting Room, Level 31 | 4 Mac 2016<br>4 March 2016 | |
| 10. | Taklimat RUU KK (Pindaan) 2015 kepada Ahli Parlimen-Sesi Kumpulan Kecil<br>Briefing for RUU KK (Amendments) 2015 to the Member of the Parliaments-Small Groups Session<br><br>**Tempat**: Parlimen Kuala Lumpur<br>**Venue**: Kuala Lumpur Parliament | 29 Mac 2016<br>29 March 2016 | |





| Bil. *No.* | Aktiviti *Activities* | Tarikh *Date* | Input *Input* |
|---|---|---|---|
| 11. | Mesyuarat Majlis Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga<br>National Woman's and Family Development Meeting<br><br>**Tempat**: Dewan Kasih KPWKM<br>**Venue**: Dewan Kasih KPWKM | 20 Oktober 2016<br>20 October 2016 | Unit PUU telah membuat pembentangan Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2015 dan RUU Keganasan Rumahtangga.<br>PUU Unit presented Children Act (Amendment) 2015 and Household Violence Bill |
| 12. | Bengkel Pemurnian Peraturan-peraturan Selaras Dengan Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016<br>Workshop on Purification of Rules in line with Children Act (Amendment) 2016 | 14-17 November 2016<br>14-17 November 2016 | Bengkel Anjuran Unit PUU untuk penyediaan Peraturan Kanak-kanak.<br>Workshop conducted by PUU Unit for Children Act preparation |
| **OKU**<br>***OKU*** | | | |
| 13. | Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya ke Majlis Bandaraya Kuching Selatan<br>National Meeting for Persons with Disabilities to South Kuching City Council<br><br>**Tempat**: Bilik Mesyuarat Utama Aras 4 UTC Sarawak<br>**Venue**: Main Meeting Room, Level 4, UTC Sarawak | 23 Februari 2016<br>23 February2016 | Dua orang wakil Unit PUU telah turut serta dalam lawatan tersebut.<br>Two representatives from PUU Unit joined the visit |
| **Jemputan Sebagai Penceramah**<br>***Invited As The Speaker*** | | | |
| 14. | Jemputan sebagai Penceramah Kursus Pengenalan Jabatan & Program Transformasi Minda (PTM) Siri 1/2016<br>Invited as the speaker for Department Introduction & Mind | 17 Februari 2016<br>17 February 2016 | Ceramah telah disampaikan oleh Ketua Unit PUU.<br>The talk was delivered by UPUU Chief |

| Bil.<br>*No.* | Aktiviti<br>*Activities* | Tarikh<br>*Date* | Input<br>*Input* |
|---|---|---|---|
| | Transformation Program (PTM) Series 1/2016.<br><br>**Tempat**: PLPP Bangi<br>**Venue**: PLPP Bangi | | |
| 15. | Jemputan sebagai Penceramah Kursus Pengenalan Jabatan & Program Transformasi Minda (PTM) Siri 1/2016<br>Invited as the speaker for Department Introduction & Mind Transformation Program (PTM) Series 1/2016<br><br>**Tempat**: PLPP Bangi<br>**Venue**: PLPP Bangi | 3 April 2016<br>3 April 2016 | Ceramah telah disampaikan oleh Ketua Unit PUU<br>The talk was delivered by UPUU Chief |
| 16. | Ceramah Sistem Pentadbiran Negara PUU KPWKM<br>The System of Nation Administration PUU PKWKM Talk<br><br>**Tempat**: PLPP Bangi<br>**Venue**: PLPP Bangi | 9 Ogos 2016<br>9 August 2016 | Ceramah disampaikan oleh Ketua Unit PUU<br>The talk was delivered by UPUU Chief |
| 17. | Jemputan sebagai Penceramah Kursus Pengenalan Jabatan & Program Transformasi Minda (PTM) Siri 1/2016<br>Invited as the speaker for Department Introduction & Mind Transformation Program (PTM) Series 1/2016<br><br>**Tempat**: PLPP Bangi<br>**Venue**: PLPP Bangi | 6 September 2016<br>6 September 2016 | Ceramah telah disampaikan oleh Ketua UPUU.<br>The talk was delivered by UPUU Chief |

| Bil.<br>*No.* | Aktiviti<br>*Activities* | Tarikh<br>*Date* | Input<br>*Input* |
|---|---|---|---|
| 18. | Penceramah bagi Speakers Corner Sempena Hari Wanita Kebangsaan<br>The speaker for Speakers Corner in conjunction with National Women's Day<br><br>**Tempat**: PICC Putrajaya<br>**Venue**: PICC Putrajaya | 25 Ogos 2016<br>25 Augusy 2016 | Ceramah disampaikan oleh PUU2 bertajuk Keganasan Terhadap Wanita dan Undang-undang<br>The talk was delivered by PUU2 entitled Violence Towards Women and Laws |
| 19. | *Forum on Woman and The Law-Know Your Rights*<br>Forum on Woman and The Law-Know Your Rights<br><br>**Tempat**: Hotel Pullman Kuala Lumpur<br>**Venue**: Hotel Pullman Kuala Lumpur | 22 Oktober 2016<br>22 October 2016 | Unit PUU Puan Zahida Zakaria telah membuat pembentangan kertas bertajuk *The Role Of Government In Ensuring Women's Right Are Protected*<br>Pn Zahida Zakaria presented papers entitled The Role of Government in Ensuring Women's Right are Protected |
| **Lain-lain Aktiviti**<br>***Others Activity*** | | | |
| 20. | Lawatan ke SPRM<br>Visit to SPRM | 21 Januari 2016<br>21 January 2016 | Wakil Unit PUU telah turut serta dalam lawatan tersebut.<br>PUU Unit representatives joined the visit |
| 21. | OPS Jumaat dan *Roadshow* Pengukuhan Integriti Peringkat Ibu Pejabat Tahun 2016<br>Friday OPS and Headquarter Level Integrity Inauguration 2016<br><br>**Tempat**: Bilik Mesyuarat, Aras 35<br>**Venue**: Meeting Room, Level 35 | 22 Januari 2016<br>22 January 2016 | Program OPS Jumaat yang digabungkan antara Pejabat Menteri, Pejabat Timbalan Menteri, Pejabat KSU & TKSU, UKK, UPUU, ULLK disempurnakan dan telah dihadiri oleh 15 orang kakitangan.<br>Friday OPS which was combined with Prime Minister Office, Deputy PM Office, KSU & TKSU Office, UKK, UPUU, and ULLK was carried out and attended by 15 staff |

| Bil. *No.* | Aktiviti *Activities* | Tarikh *Date* | Input *Input* |
|---|---|---|---|
| 22. | Kursus Pengurusan Harta Pusaka di dalam Islam<br>Inheritance Management in Islam Course<br><br>**Tempat**: Aras 17 KPWKM<br>**Venue**: Level 17 KPWKM | 10 Mac 2016<br>10 March 2016 | Di hadiri oleh pegawai sokongan<br>Attended by supporting officers |
| 23. | ACWC Workshop with CSOS<br>ACWC Workshop with CSOS<br><br>**Tempat**: Holiday Inn Silom Bangkok<br>**Venue**: Holiday Inn Silom Bangkok | 28-31 Mac 2016<br>29-31 March 2016 | Program telah dihadiri oleh Ketua Unit PUU<br>Attended by PUU Chief Unit |
| 24. | Lawatan Kerja ke London dan Paris<br>Work Visit to London and Paris | 19-22 September 2016<br>19-22 September 2016 | Telah disertai oleh Ketua Unit PUU<br>Attended by PUU Chief Unit |
| 25. | Sesi Khas Pengurusan Tertinggi Agensi Kerajaan Bersama Sir Roger Singleton Mengenai Pemeliharaan Berasaskan Keluarga<br>Highest Government Administration Agency Special Session with Sir Roger Singleton regarding Family Based Care<br><br>**Tempat**: Bilik Mesyuarat, Aras 36<br>**Venue**: Meeting Room, Level 36 | 21 November 2016<br>21 November 2016 | Telah dihadiri oleh Ketua Unit PUU<br>Attended by PUU Chief Unit |
| 26. | Seminar Perbandingan Antara Akta Perlindungan Saksi (Akta 696) Dengan Akta Pelrindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] Bagi Tahun 2016<br>Seminar on Comparison between Witness Protection Act (Act 696) with the Informant Protection Program 2010 (Act 711) 2016<br><br>**Tempat**: Dewan Harmoni BHEUU<br>**Venue**: Harmoni Hall BHEUU | 6 Disember 2016<br>6 December 2016 | Telah dihadiri oleh Ketua Unit PUU<br>Attended by PUU Chief Unit |
| 27. | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016<br>Excellent Service Award Ceremony 2016<br><br>**Tempat**: PLPP Bangi<br>**Venue**: PLPP Bangi | 22 Mac 2016<br>22 March 2016 | Seorang pegawai PUU iaitu Cik Shazreen binti Shaaban telah menerima anugerah<br>Ms Shazreen binti Shaaban, a PUU officer received an award |
| 28. | Sesi Buka Puasa<br>Breaking Fast Session | Jun<br>June | Sesi buka puasa Unit PUU<br>Breaking fast Session for PUU Unit |
| 29. | Majlis Jamuan Raya Unit PUU<br>PUU Unit Raya Banquet | 29 Julai 2016<br>29 July 2016 | |
| 30. | Majlis Makan Tengahari Bersama Pasukan Kerja Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2015<br>Luncheon with Children Act (Amendment) Team 2015<br><br>**Tempat**: Hotel Le Meridian, Putrajaya<br>**Venue**: Le Meridian Hotel, Putrajaya | 27 Oktober 2016<br>27 October 2016 | Majlis tersebut turut dihadiri YB Menteri.<br>The Minister attended the event |

**Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya ke Majlis Bandaraya Kuching Selatan**
**National Council for Disabled Persons to the South Kuching City Council**



**Penceramah bagi Speakers Corner Sempena Hari Wanita Kebangsaan, PICC Putrajaya**
**Speaker for Speakers Corner in conjunction with the National Women's Day, PICC Putrajaya**



**Lawatan Kerja ke London dan Paris**
**Working Visit to London and Paris**




**Sesi Buka Puasa unit PUU**
**PUU Unit Breaking Fast Session**



**Majlis Jamuan Raya**
**Eid Banquet Ceremony**



**Majlis Makan Tengahari Bersama Pasukan Kerja Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2015, Hotel Le Meridian Putrajaya**
**Luncheon with Child Act (Amendment) 2015 Work Force Team, Hotel Le Meridian Putrajaya**








# Laporan Prestasi 2016
## Performance Report 2016

# Unit National Key Result Area
## National Key Result Area Unit

# Unit National Key Result Area

## National Key Result Area unit




## Program dan Aktiviti
## Program and Activities

### Program Transformasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Dari Industri Mikro Kepada Industri Kecil Melalui Pendidikan Kewangan - Taylor's University (TU)
### Transformation Program of Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) from a Micro Industry to a Small Industry through Financing Education - Taylor's University (TU)

**25 Mei/May 2016**

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Julai 2009, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat(KPWKM) telah diamanahkan untuk menerajui Bidang Keberhasilan Utama Negara-Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA-LIH). Antara inisiatif utama di bawah NKRA LIH adalah Program 1AZAM yang dilaksanakan bermula sejak tahun 2010.

Kejayaan Program 1AZAM telah diiktiraf oleh Kerajaan. Di dalam Majlis Pelancaran Laporan Tahun 2015 Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) di bawah Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang diadakan di Angkasapuri pada 26 April yang lalu, telah menonjolkan beberapa orang peserta yang telah berjaya untuk dikongsi dengan masyarakat mengenai kisah kejayaan mereka supaya dijadikan teladan dan contoh kepada semua rakyat Malaysia agar berusaha untuk mengubah nasib keluarga.

Under the National Transformation Program (GTP) that was announced by YAB Prime Minister on 27th July 2009, Ministry of women, Family and Community Development (KPWKM) was trusted to lead National Key Results Areas-Low Income Household (NKRA-LIH). One of the key initiatives under NKRA LIH is the 1AZAM program that was implemented starting from the year 2010.

The success of 1AZAM program was recognized by the government. In the 2015 Annual Report Launching Ceremony of the Global Transformation Program (GTP) and Economical Transformation Program (ETP) under the National Transformation Act (DTN) that was held in Angkasapuri on 26th April, had showcased a few participants that had successfully shared with the community their success stories that should be an inspiration and example to the Malaysian citizen to work hard to change their family for a betterment.








Sebagai penyedia kewangan mikro di negara ini tidak dapat disangkal lagi. AIM telah banyak membantu pihak kerajaan di dalam melaksanakan dasar-dasar untuk membantu usahawan kecil dan merancakkan bidang ekonomi di Malaysia melalui modal yang disalurkan. Melihat kepada pencapaian AIM di dalam bidang kewangan mikro, tidak dinafikan AIM telah banyak membantu isi rumah miskin dan golongan berpendapatan rendah meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Kolaborasi di antara KPWKM, AIM dan AKPK telah bermula pada tahun 2013 melalui Program Literasi Kewangan (*Financial Literacy*) kepada peserta 1AZAM sebagai pra-syarat sebelum mereka menerima bantuan peralatan atau pinjaman.

Kerajaan sedar bahawa literasi kewangan adalah satu ilmu yang wajib dimiliki oleh semua rakyat Malaysia terutamanya dikalangan usahawan. Oleh yang demikian, kerajaan amat menekankan program seperti ini bagi memastikan usahawan-usahawan berkaitan mendapat manfaat dalam perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Program kolaborasi di antara KPWKM, AIM dan AKPK ini menekankan kepentingan aliran tunai dalam menjalankan perniagaan dan pengurusan kewangan yang berhemat. Peserta perlu bijak dalam membezakan keperluan dan kehendak serta berupaya membezakan liabiliti peribadi dan perniagaan.

As a micro financial provider in this country, it is undeniable that AIM has aided the government in implementing legal policies to help small-scaled entrepreneurs and boost Malaysian economy through supplying business capital. Looking at AIM's achievements in micro financial, it is clear that AIM has helped a lot in funding poor citizens and low income earners elevating their standard of living.

The collaboration between the ministry, AIM, and AKPK had started in 2013 through Financial Literacy Program for 1AZAM participants as a pre-condition before they receive equipment assistance or loans.

Government realizes that financial literacy is a compulsory knowledge needed by all Malaysian residents especially in entrepreneur circles. Hence, the government really emphasizes such programs to ensure related entrepreneurs gain benefits in their businesses and later contributes to nation's economic growth. The collaboration program between KPWKM, AIM, and AKPK draw attention to cash flow in running business and proper money handling. Participants need to be smart in differentiating needs and wants as well as be able to differentiate personal liability and business.

# Profil Peserta Pilihan
# Favourite Participant Profile



**Haslinda Binti Manan**
Industri Percetakan dan Katering
Printing and Catering Industry

8 tahun perniagaan Pembiayaan AIM - **RM59,000**
8 years business experience AIM financing - **RM 59,000**



**Puan Nor Azlina Binti Rambely**
Industri Makanan
Food Industry

5 tahun perniagaan Pembiayaan AIM - **RM59,000**
5 years business experience AIM financing - **RM59,000**



**Prema a/p Rajoo**
Industri Pengilangan
Factory Industry

22 tahun perniagaan Pembiayaan AIM - **RM49,400**
22 years business experience AIM financing - **RM49,400**





# Unit Audit Dalam

## Internal Audit Unit

Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (UAD KPWKM) ditubuhkan pada 30 Januari 2001 selaras deangan Pekeliling Perbendaharaan 3.2 - Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPWKM. Manakala peranan dan tanggungjawab UAD, kemudiannya dimantapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan 3.2- Penubuhan Jawatankuasa Audit Di Peringkat Kementerian Persekutuan Dan Kerajaan Negeri.

Internal Audit Unit for the Ministry of Ministry of Women, Family and Community Development (UAD KPWKM) was established on 30 January 2001 in conjunction with Treasury Bill 3.2 – Execution of Internal Audit in the Ministry/Federal Department and State Governance and is directly responsible to Secretary General Ministry. Meanwhile, the role and responsibility of UAD is perfected through Treasury Bill 3.2 – Establishment of Audit Committee in Federal Ministry and State Governance.

## Visi
## Vision

Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian dan agensi dibawahnya.

To be the main contributor towards excellence in financial management and accountability of the ministries and its agencies.

## Misi
## Mission

Melaksanakan pengauditan secara professional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha Kementerian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan.

To conduct audits professionally and independently and to submit a fair report to the Secretary-General Ministry to improve nancial management accountability.

## Objektif
## Objective

Meningkatkan tahap pematuhan peraturan dan prosedur kewangan serta undang-undang yang ditetapkan di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian dan Agensi di bawah kawalan Kementerian

To increase the level of rules obedience, monetary procedure, and laws that were set by the Responsibility Centre (PTJ) of Ministry and Agency, under the monitor of the Ministry.





Audit dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya yang terdiri daripada 186 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah kawalan Kementerian bagi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Internal Audit is a free functional unit, which offers assurance and negotiation service to add values and elevates operational level of an organization. The objective of Internal Audit Unit is to assist the Ministry, Department, and Agency under it which is constructed from 186 Responsibility Centre (PTJ) under control of the Ministry to achieve its goal through a systematic and disciplined approach to rate the efficiency of all control process and governance.

## Pencapaian Audit

Usaha untuk mempertingkatkan dan memantapkan pematuhan pengurusan kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti Kementerian dan Agensi di bawahnya adalah secara berterusan melalui Rancangan Pengauditan Tahunan.

## Audit Achievements

The continuous effort to increase and improve obedience for financial management and program implementation for the ministry and agencies under it through Annual Auditing Plan.

**Carta 1 : Rancangan Dan Pencapaian Audit 2016**
**Chart 1 : Audit Plan and Achievement 2016**



## Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan meliputi aspek-aspek pematuhan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan terhadap aspek Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Auditan dilaksanakan di sebelas PTJ di bawah JKM dan JPW. Auditan susulan dilaksanakan pada tahun berikutnya bagi menentukan sama ada teguran audit yang lalu telah diambil penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan keseluruhannya.

## Financial Management Auditing

Financial Management Auditing covers the aspects of law obedience and rules set towards Management Control, Budget Control, Receiving Control, Obtained Control, Expenditure Control, Asset and Store Management and Governmental Vehicle Management. Audit is carried out in 11 PTJ under JKM and JPW. Sequent audit followed on the consequent year to ensure the previous advices were taken into consideration towards improvising overall monetary management.

**Carta 2 : Auditan Pengurusan Kewangan dan Susulan**
**Chart 2: Auditing of Financial Management and Follow-up**




11 pengauditan pengurusan kewangan adalah termasuk auditan bagi menilai tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) di sembilan PTJ yang tidak dilaksanakan auditan IA oleh Jabatan Audit Negara. Melibatkan dua PTJ di bawah JPW dan tujuh di bawah JKM.

11 monetary management audits include audit to determine the performance level of monetary management based on the Accountability Index (AI) in 9 PTJ which did not perform AI audit by the National Audit Department that involves 2 PTJ under JPW and 7 under JKM.

**Carta 3 : Pencapaian Tahap Kecemerlangan Pengurusan Kewangan**
**Chart 3: Achievement of Financial Management Excellence Level**




## Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut dilaksanakan di 15 pejabat yang merupakan kaedah pemeriksaan audit ke atas tiap-tiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain untuk menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam jabatan yang diamanahkan dengan penyimpanan wang awam, setem atau barang-barang lain yang berharga.

## Sudden Inspection

Sudden Inspection were carried out in 15 departments is an inspection method towards every safe, vaults, cash box, drawers, and other money case used to store money in watch of an individual who is trusted with public's money, stamps, or other valuable things.

**Carta 4 : Pemeriksaan Mengejut**
**Chart 4 : Sudden Inspection**



## Pengauditan Perolehan

Sebanyak tiga auditan perolehan dilaksanakan berbanding satu dirancang bagi menilai sama ada urusan perolehan di Kementerian, Jabatan dan Agensinya telah dilaksanakan mengikut peraturan kewangan mengenai perolehan yang ditetapkan. Selain itu, bagi mematuhi arahan sekurang-kurangnya 40% mandays pegawai melaksanakan auditan perolehan. Auditan dijalankan di Bahagian Kewangan dan Bahagian Pembangunan KPWKM serta JKMN Perak.

## Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi dijalankan ke atas pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian dan Agensi di bawahnya bagi menilai sama ada ia telah dilaksanakan secara ekonomik, cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya. Pada tahun 2016, sebanyak tiga kajian berbanding empat yang dirancang telah dilaksanakan terdiri daripada Pengurusan Wang Saku Penghuni di Institusi JKM, Pengurusan Pemberian Bantuan Kewangan Persekutuan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan Pengurusan Bantuan Kebajikan JKM di PTJ seperti berikut;

- **Pengurusan Wang Saku Penghuni Institusi JKM**
  Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan wang saku kepada kanak-kanak pada kadar RM3 sehari dan RM30 kepada warga emas seperti berikut. Bagi tempoh 2014 hingga Mac 2016 sejumlah RM13.92 juta dibelanjakan berbanding RM18.83 juta peruntukan yang diterima.

## Earning audits

As much as 3 earning audits were done compared to 1 planned to evaluate whether the matter of earnings in the Ministries, Departments and Agencies had been completed based on the financing regulations on the earnings that had been set. Other than that, to abide the regulation at least 40% man-days officers had completed the earning audits. Audits were done by the Finance Department and Development Department KPWKM as well as JKMN Perak.

## Performance audits

Performance audits were carried out on the implementation of programs and activities by the Ministry and Agencies below it to assess whether it was done economically, efficiently and effectively as well as reaching the objectives. In the year 2016, as many as 3 researches compared to 4 that had been planned were carried out such as Management of Allowance of Residents in JKM's Institutions, Management of Federation's Financial Assistance Distribution To Welfare Volunteering Organizations and Management of Welfare Help JKM in PTJ as follows,

- **Management of Allowance of Residents in JKM's Institutions**
  Auditing was done to the management of allowance of children at the rate of RM3 a day and RM30 to elderly as follows. For the duration of 2014 until March of 2016 in total of RM13.92 millions were spent compared to RM18.83 millions of allocation that had been received.

**Carta 5 : Pengurusan Wang Saku Penghuni Institusi JKM**
**Chart 5: Pocket Money Management for Occupants of JKM Institutions**




- **Pengurusan Pemberian Bantuan Kewangan Persekutuan Kepada PSK**
  Terdapat lima jenis bantuan Kewangan Persekutuan kepada PSK iaitu Geran Pentadbiran, Geran Rangsum, Elaun Khas Murid OKU, Geran Per Kapita dan Geran Pembaikan. Pada tahun 2016, auditan bantuan kewangan ini bagi tempoh 2014 hingga 2016 dijalankan terhadap Geran Pentadbiran, Geran Rangsum dan Elaun Khas Murid OKU di JKMN Wilayah Persekutuan, JKMN Perak dan JKMN Selangor. Lawatan audit juga dibuat ke PSK berikut dan bilangan PSK Penerima dan jumlah perbelanjaan keseluruhanya adalah seperti carta.

- **Management of Federation's Financial Assistance to PSK**
  There are five types of Federal Financial Assistance to PSK namely Administration Grant, Ration Grant, Special Allowance for Students with Disabilities, Per Capita Grant and Repair Grant. In 2016, the financial assistance audits for the period of 2014 to 2016 are carried out on the Administrative Grants, Ration Grants and Special Allowance for Disabled Students in JKMN Federal Territory, JKMN Perak and JKMN Selangor. Audit visits are also made to the following PSK and the number of PSK Recipients and the total amount of the expenditure is as chart.

**Senarai JKMN Dan PSK Yang Dilawati**
**List of JKMN and PSK Visited**

| JKMN | Nama PSK / *Name of PSK* | |
|---|---|---|
| JKMN Selangor | • Persatuan Orang Yang Amat Cacat Akal, Selangor Dan Kuala Lumpur<br>• Persatuan Kanak-kanak Istimewa, Kajang | • Society for The Severely Mentally Handicapped Selangor and Kuala Lumpur<br>• Association for Special Children Kajang |
| JKMN WPKL | • Persatuan Untuk Orang Kurang Upaya Akal Selangor Dan Kuala Lumpur<br>• Persatuan Kebajikan Sri Eden, Selangor Dan Kuala Lumpur | • Selangor and Federal Territory Association for the Mentally Handicapped<br>• Seri Eden Welfare Association, Selangor and Kuala Lumpur |

| JKMN | Nama PSK / *Name of PSK* | |
|---|---|---|
| JKMN Perak | • Persatuan Untuk Insan Bermasalah Intelek, Perak<br>• Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah Bagi Orang Istimewa, Perak | • Perak Association for the Intellectually Disabled<br>• Sultan Azlan Shah Rehabilitation Association for the Special Person, Perak |

**Carta 6 : Pemberian Bantuan Kewangan Persekurtuan**
**Chart 6: Federal Finance Grant Assistance**




- **Pengurusan Bantuan Kebajikan JKM**
**31 Oktober/October 2016 | Kg. Beladin, Pusa, Sarawak**

FACE adalah program untuk mensejahterakan keluarga dengan memperkasa keluarga dan komuniti.

FACE is a program for family's wellbeing by empowering families and community.

Memperkasa mekanisme sosial dalam komuniti sedia ada sebagai 'Family Champion' berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga dengan mengenal pasti program intervensi dan meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga

Empowering social mechanism in the community as 'Family Champion' based on Family Welfare Index by identifying intervention program and improving their level of prosperity.

Majlis Pelancaran FACE telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia (BKK1M).

The launching ceremony of FACE had been officiated by YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family, and Community Development in conjunction with 1Malaysia National Family Month Celebration (BKK1M).








LPPKN laksana program Face

Kajian komprehensif ibu kenal pasti keperluan setempat, kesejahteraan keluarga di komuniti terpilih


Perkukuh institusi keluarga LPPKN perkenal Program Face








## Program Kekeluargaan
## Family Program

### Parenting@Work di GLC
### Parenting@Work in GLC

**Sepanjang Tahun 2016 / During Year 2016 | 15 Negeri / States**

Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai pentingnya mengimbangi peranan sebagai ibu bapa dan pekerja.

Spreading awareness and knowledge to parents on the importance of the balance between the role of a parent and an employee.

Memberi kemahiran serta panduan cara gaya keibubapaan untuk menghadapi cabaran keluarga di setiap kitaran hidup keluarga (*family life cycle*).

Teaching skills and providing guidance on parenting to face challenges in every family life cycle.





## Jamboree Kebangsaan Sahabat Kafe@TEEN 2016
## National Jamboree Sahabat Kafe@TEEN 2016

**Sepanjang Tahun 2016 / During Year 2016 | 15 Negeri / States**




Membentuk remaja berdaya tahan (resilience), berkemahiran bagi mengurus perkembangan diri fizikal dan seksual secara matang.

Shaping teenagers to be resilient, skilful to manage maturely physical and sexual development.

Mengenali potensi diri remaja melalui aktiviti latihan kepimpinan dan budaya kesukarelaan yang tinggi sebagai pembimbing rakan sebaya. (Peers Advocators).

Identifying teenagers' self-potential through leadership training activity and high volunteering culture as Peers Advocators.





Menyediakan pentas remaja (sahabat kafe@TEEN) menjalani aktiviti sosial yang sihat kearah percambahan idea dalam merancang, melaksana dan menyediakan program yang kreatif di Pusat kafe@TEEN.

Setting a stage for teenagers to do healthy social activity towards branching of ideas in planning, executing and preparation for a creative program in Pusat Kafe@TEEN




# *MamaCare*
# MamaCare

## Transformasi *MamaCare*
## MamaCare Transformation

**29 Mac/March 2016 | PICC Putrajaya**





Untuk meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga melalui pemerkasaan ekonomi wanita

Raising prosperity of women and family through enhancement of women's economy.

Melatih wanita warga emas dan ibu tunggal terutama daripada kumpulan *Low Income Household* (LIH) menjana pendapatan keluarga melalui Perkhidmatan Penjagaan Holistik Ibu Selepas Bersalin secara tradisional dan moden.

Training elderly women and single mothers especially from the Low Income Household (LIH) group to generate family income through traditional and modern Holistic Nursing Care Services.

Aplikasi *Mamacare.My* dibangunkan dan Rebranding *Uniform Mamacare*.

Mamacare.my application build and Rebranding Uniform MamaCare.

## Perkongsian Ilmu MamaCare Di Universiti Oxford
## MamaCare Knowledge Sharing at University of Oxford

**19 - 20 Mei/May 2016 | Blavatnik School of Government, Universiti Oxford**






Program MamaCare sebagai satu projek inovasi sosial telah terpilih untuk dibentang di Challenges of Government Conference 2016, University Oxford.

591 pengamal MamaCare berjaya dilatih, 77% pengamal MamaCare menunjukkan peningkatan sebanyak sekali ganda daripada pendapatan asal dan daripada 77 orang pengamal MamaCare yang merupakan penerima bantuan JKM, sebanyak 17.1% telah keluar daripada aras kemiskinan.

MamaCare Program as a social innovation project had been chosen to be presented in Challenges of Government Conference 2016, University Oxford.

591 practitioners of MamaCare were successfully trained, 77% of MamaCare practitioners shows improvement as much as 1 fold from original income and from 77 practitioners of MamaCare were receivers of assistance from JKM, as many as 17.1% had rose out of poverty.

## *MamaCare On The Go*
## MamaCare On The Go

**1 Julai/July 2016 | PICC Putrajaya**

Majlis Pelancaran Perkhidmatan Mobil MamaCare iaitu MamaCare On The Go bagi memperluaskan perkhidmatan MamaCare di luar bandar dan pedalaman.

Launching event for MamaCare Mobile Service or MamaCare On The Go to widen the MamaCare service to the rural and inland.











## *Spa MamaCare*
## Spa MamaCare

**1 Julai/July 2016 | PICC Putrajaya**

Majlis Perasmian SPA MamaCare Pertama yang telah dirasmikan oleh YBhg. Ketua Pengarah LPPKN

Launching ceremony of MamaCare SPA officiated by YBhg. Ketua Pengarah LPPKN





# Penyelidikan
# Research

## Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Ke-5 (KPKM-5)
## Launching Ceremony of the Report on the Main Finding in the 5th Malaysian's Community And Family Research

**23 Februari/February 2016 | Hotel Shangri-La, Putrajaya**

Majlis Pelancaran dan Pembentangan Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke Lima (KPKM-5) telah dirasmikan oleh YB. Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Launching Ceremony and Presentation of The Report on the Main Finding in the 5th Malaysian's Community and Family Research (KPKM-5) had been officiated by YB. Datin Paduka Chew Mei Fun, Deputy Minister of Women, Family and Community Development.

Tiga (3) pembentangan kertas kajian iaitu:
- Nuptualiti, Kesuburan dan Penggunaan Perancang Keluarga
- Keluarga dan Isu Sosial
- Pengenalan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5

Three (3) Presentation on research papers which are:
- Nuptiality, Fertility and Family Planning
- Family and social Issue
- Introduction to the 5th Malaysian's Family and Community Research









## Persidangan Kebangsaan Mengenai Kependudukan Dan Matlamat Pembangunan Lestari 2016
## National Conference on Population and Goals Of Sustainable Development 2016

**20 Julai/July 2016 | Dewan Nur, KPWKM**









Persidangan anjuran bersama LPPKN, Universiti Malaya (UM) dan United Nations Population Funds (UNFPA) dilaksanakan bersempena Hari Penduduk Sedunia 2016.

Satu ucaptama disampaikan oleh UNFPA dan sebanyak 8 kertas kerja dibentangkan oleh wakil daripada DOSM, KKM, KPWKM, KPT, ISIS, UM, Digi dan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia.

The collaborated conference with LPPKN, Universiti Malaya (UM) and United Nations Population Funds (UNFPA) implemented in conjunction with World Population Day 2016.

A speech was delivered by UNFPA and as many as 8 paper works was presented by representatives from DOSM, KKM, KPWKM, KPT, ISIS, UM, Digi and Environmental Protection Association Malaysia.

## Kajian Faktor Risiko Dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual Dan Reproduktif Remaja Di Sabah Dan Sarawak
## Research on Risk Factor and Protection on Teenagers' Sexual and Reproductive Health in Sabah And Sarawak

**9 September/September 2016 | Dewan Nur, KPWKM**

Salah satu langkah menangani masalah salah laku seks di kalangan remaja.

One of the steps to battle problems regarding sexual mischief among teenagers.




# Kolaborasi Strategik
# Strategic Collaboration

## Seminar Kebangsaan Wasatiyyah : Institusi Keluarga Dalam Mendepani Cabaran Dunia
## National Wasatiyyah Seminar: Family Institution In Facing Global Challenges

**6 September/September 2016 | Dewan Nur, KPWKM**

Meningkatkan kesedaran akan kepentingan Penghayatan Pendekatan Wasatiyyah dalam kalangan keluarga di Malaysia khususnya remaja yang baru berumahtangga.

Raising awareness on the importance of Appreciation of Wasatiyyah Approach in Families in Malaysia especially newly-wed teenagers.

Mengupayakan institusi kekeluargaan pada hari ini dengan semangat kerukunan dalam rumah tangga dan menjadi ikon dalam pembentukan masyarakat yang harmoni.

Striving family institution today with the household spirit of harmony and being an icon in shaping a peaceful community.





Memperkukuh generasi Gen Y Malaysia yang menghayati nilai-nilai Wasatiyyah sebagai rakan pembangunan negara bagi membentuk keluarga yang berkualiti

Strengthening Gen Y generation of Malaysia in appreciating the values of Wasatiyyah as an associate in developing the country to mould a quality family.





## Perjanjian Persefahaman (MOU) Dengan Persatuan *Life Line*
## Memorandum of Understanding (MoU) with Life Line Association

**29 November/November 2016 | Pusat Remaja Kafe@TEEN UTC Pudu**

MoU menjurus kepada perkongsian kepakaran bidang latihan kejurulatihan, pelaksanaan program, perkhidmatan kekeluargaan dan kemasyarakatan serta perkongsian data, penyelidikan dan bahan penerbitan.

MoU towards sharing specialty in training field of coaching, implementation of program, family and community service as well as sharing of data, research and publishing material.





# Komitmen Antarabangsa
# International Commitment

## Penyertaan LPPKN Sebagai Ahli *High Advisory Board Kepada UNION Of NGOS In The Islamic World* (UNIW-IDSB), Istanbul Turki
## Participation Of LPPKN as a Member Of High Advisory board to UNION Of NGOS In The Islamic World (UNIW-IDSB), Istanbul Turkey

**4 - 6 April/April 2016 | The Family Charter International Conference, Istanbul, Turki**

Menghasilkan piagam keluarga antarabangsa berdasarkan nilai dan perspektif Negara-Negara Islam.

Producing international family charter based on values and perspective of Islamic countries.




## *The 49Th Session Of The Commission On Population And Development*
## The 49Th Session Of The Commission On Population And Development

**11 - 15 April/April 2016 | New York, Amerika Syarikat**

Tumpuan persidangan untuk membincangkan isu-isu berkaitan kependudukan dan pembangunan iaitu untuk membincangkan tentang kepentingan menyediakan maklumat atau data demografi yang boleh dipercayai, mudah diakses dan tepat pada masanya untuk menilai pencapaian matlamat yang ditetapkan dalam Sustainable Development Goals (SDG's).

The focus of this conference is to discuss issues regarding population and development which is to discuss on the importance of preparing information and demographic data that is reliable, easily accessible and with accurate timing to assess development goals that had been stated in Sustainable Development Goals (SDG's).





Jaringan kerjasama antarabangsa delegasi Malaysia berkesempatan bermesyuarat bersama pihak International Federation on Family Development (IFFD) bagi membincangkan kerjasama yang boleh dilaksanakan antara dua pihak dari segi perkongsian ilmu, penyelidikan dan pembangunan modal insan dalam hal berkaitan isu kekeluargaan.

Network of partnership of Malaysian's international delegates was having the chance to have a meeting with the International Federation on Family Development (IFFD) to discuss an alliance that can be implemented between two parties in the aspect of sharing knowledge, research and human capital development in issues regarding families.






## *East Asia Ministerial Forum On Families And Gender Equality (EAMFFGE)*
## East Asia Ministerial Forum On Families And Gender Equality (EAMFFGE)

**21 - 23 Disember/December 2016 | Bangkok, Thailand**

Tumpuan forum untuk membincang dan berkongsi pengalaman bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dalam *Sustainable Development Goals* (SDG's) berdasarkan Dasar Keluarga dan kesaksamaan gender.

The focus of the forum was to confer and share experiences in reaching the objective that had been set in Sustainable Development Goals (SDG's) Based on Family Values and gender equality.







# 50 Tahun LPPKN
# LPPKN 50 Years Anniversary

## Aktiviti Sambutan 50 Tahun LPPKN
## 50th Anniversary Celebration of LPPKN Activity

**1 Mac/March 2016 | Countdown 100 Hari di Lobi Ibu Pejabat LPPKN**






**10 Jun/June 2016 | Pelancaran Galeri dan Time Tunnel 50 Tahun LPPKN**










# Jabatan/Agensi di Bawah KPWKM
## Department/Agency under KPWKM

# Institut Sosial Malaysia (ISM)
## Social Institute of Malaysia (ISM)

# Institut Sosial Malaysia (ISM)

## Social Institute of Malaysia (ISM)

### Penubuhan TASKA ISM (Taska Tempat Kerja)
### Development of TASKA ISM (Workplace Nursery)

Perkembangan awal kanak-kanak yang bermula dari umur lahir sehingga 6 tahun merupakan tahap perkembangan terpenting dalam membentuk modal insan yang berkualiti. Kanak-kanak berpeluang membesar dengan menerima perkembangan menyeluruh (total development for children) dari segi kognitif, bahasa, sosio emosi dan fizikal serta sahsiah diri pada tahap optimum sekiranya mereka diberi rangsangan, asuhan dan sokongan yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak.

ISM telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan TASKA di Tempat Kerja. Inisiatif ini terhasil daripada permintaan oleh para peserta kursus di ISM terutamanya peserta wanita yang memerlukan penjagaan anak mereka semasa mereka menghadiri kursus.

TASKA ISM telah dirasmikan oleh YB. Dato Seri' Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2 Ogos 2016.

Hasil penubuhan TASKA yang telah beroperasi pada 3 Jun 2016 ini telah memberi impak kepada ISM dimana TASKA ISM disasarkan menjadi model TASKA Tempat Kerja Awam yang boleh dicontohi oleh majikan sama ada jabatan kerajaan dan pihak swasta lain, terutama dari segi profesionalisme pengasuh dan pengisian programnya.

Children's early development starting from birth to 6 years old is the most crucial developmental period in shaping a human capital of quality. Children will be able to grow upon receiving total development on the cognitive, lingual, social emotional and physical as well as personality aspect in the optimum level if they were given encouragement, care and support that is compatible with the age of the children.

ISM has taken the initiative to set up Workplace Nursery. This initiative resulted from demand by ISM participants especially women participants who needed their childcare while they attended the course.

TASKA ISM had been officiated by YB. Dato Seri' Rohani Abdul Karim, Minister of Women, Family And Community development on 2nd of August 2016.

The results of the TASKA establishment that had been operating since 3rd June 2016 had given positive impact to ISM whereas TASKA ISM was targeted to be a model to Public Workplace Nursery that can be an example for other employers be it from the government or a private institution especially from their professionalism and the content.













## Seminar Keselamatan Kanak-Kanak 2016: *Always Beware and Be Aware (ABBA) 2016*
## Seminar On Child Safety 2016: Always Beware and Be Aware (ABBA) 2016





Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius berhubung dengan jenayah siber yang melibatkan kanak-kanak. Memandangkan betapa pentingnya satu panduan pengawasan terhadap ancaman dunia siber, KPWKM telah mewujudkan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Dalam Dunia Siber yang bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada ancaman siber. Pelan tindakan ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001 yang juga menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan terbaik mereka.

Bagi mencapai objektif-objektif di atas, dua puluh (20) strategi dirangka berasaskan empat aspek utama iaitu advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan. Pelan tindakan ini akan dilaksanakan dalam tempoh 2015 hingga 2020.

The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) looks seriously in relation to cyber-crime involving children. Given the importance of a surveillance over the threat of cyberspace, the KPWKM has established a Cyberspace Child Protection Action Plan aimed at ensuring that every child is protected from cyber threats. This action plan is in line with the philosophy of the Convention on the Rights of the Child (CRC) and the Child Act 2001 which also emphasizes the principle of protection for children in their best interests.

To achieve the objectives listed above, twenty (20) strategies were constructed based on 4 main aspects which are advocate, prevention, intervention, and support service. This act will be executed in the period of 2015 until 2020.

Bagi menjayakan plan tindakan ini ISM telah melah menganjurkan Seminar KESELAMATAN KANAK-KANAK 2016: ALWAYS BEWARE AND BE AWARE (ABBA) yang telah dirasmikan oleh YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 20 September 2016 bertempat di Institut Sosial Malaysia (ISM).

To ensure this plan works out, ISM held a Children's Safety 2016 Seminar: ALWAYS BEWARE AND BE AWARE (ABBA) which was officiated by YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Deputy Women, Family and Community Development Minister that took place on 20th September 2016 at Social Institute of Malaysia (ISM).

## Program Pendampingan (*Outreach*) Sukarelawan Jiwa Malaysia, Pusa Sarawak
## JIWA Malaysia Outreach Volunteering Program Malaysia, Pusa Sarawak





ISM telah memperkenalkan 3 peringkat kursus mengenai kesukarelawanan iaitu Modul Asas, Modul Pertengahan, Modul Lanjutan dan juga Modul Kejurulatihan (TOT) Sukarelawan Jiwa 1Malaysia.

Kesemua 4 modul ini dibangunkan oleh ISM dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Dengan adanya modul-modul latihan tersebut, ISM dapat memberi latihan kepada sukarelawan dengan yang lebih sistematik, berstruktur dan komprehensif bagi melengkapkan setiap sukarelawan dengan ilmu

ISM had introduced a three level course regarding volunteerism which are Basic Module, Intermediate Module, Advanced Module and Coaching Module for 1Malaysia JIWA Volunteers.

All 4 modules are constructed by ISM with the cooperation with Universiti Putra Malaysia. With the modules, ISM could provide a more systematic, structured, and comprehensive training to equip each and every one of the volunteers with relevant and updated knowledge.

pengetahuan yang relevan dan semasa. Program-program latihan kesukarelawanan anjuran ISM juga turut diperluaskan lagi kumpulan sasarannya dengan melibatkan penyertaan lebih ramai sukarelawan daripada pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan yang berkaitan. Ini termasuklah sukarelawan di bawah agensi-agensi Kementerian sendiri seperti Sukarelawan Kebajikan JKM, PERWANI dan juga sukarelawan di bawah iM4U serta Yayasan Siswa.

Bermula dari tahun 2010 sehingga Disember 2016, sebanyak 1150 orang sukarelawan telah menyertai bengkel asas, 230 orang menyertai bengkel Kejurulatihan (TOT) manakala sebanyak 11, 215 orang sukarelawan menyertai program outreach. Jumlah keseluruhan sebanyak 12, 595 orang ini telah didaftarkan di dalam pangkalan data sukarelawan di ISM.

The volunteer training program organized by ISM also expanded its target group by involving more volunteer participation from various Government agencies, non-governmental organizations (NGOs) and related associations.These include volunteers under the Ministry's own agencies such as JKM Welfare Volunteers, PERWANI and volunteers under iM4U as well as Student Foundation.

Starting from the year 2010 until December 2016, as many as 1150 volunteers participated in the basic workshop, 230 volunteers participated in TOT whereas 11,215 volunteers took part in the outreach program. The overall amount of 12,595 participants had been registered in the database for the volunteers at ISM.

## Program Pendampingan (Outreach) Sukarelawan Jiwa Malaysia, Negeri Pahang
## JIWA Malaysia Volunteer Outreach Program in Pahang

Kesemua 4 modul ini dibangunkan oleh ISM dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Dengan adanya modul-modul latihan tersebut, ISM dapat memberi latihan kepada sukarelawan dengan yang lebih sistematik, berstruktur dan komprehensif bagi melengkapkan setiap sukarelawan dengan ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa. Program-program latihan kesukarelawanan anjuran ISM juga turut diperluaskan lagi kumpulan sasarannya dengan melibatkan penyertaan lebih ramai sukarelawan daripada pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan yang berkaitan. Ini termasuklah sukarelawan di

All 4 modules are constructed by ISM with the cooperation with Universiti Putra Malaysia. With the modules, ISM could provide a more systematic, structured, and comprehensive training to equip each and every one of the volunteers with relevant and updated knowledge. Volunteering programs held by ISM are expanding its target group by accepting more participations of volunteers from various government agencies, NGOs and related society club. This includes volunteers under governmental agencies themselves like Charity Volunteers of JKM, PERWANI, volunteers IM4U and Student Foundation.









bawah agensi-agensi Kementerian sendiri seperti Sukarelawan Kebajikan JKM, PERWANI dan juga sukarelawan di bawah iM4U serta Yayasan Siswa.

Bermula dari tahun 2010 sehingga Disember 2016, sebanyak 1150 orang sukarelawan telah menyertai bengkel asas, 230 orang menyertai bengkel Kejurulatihan (TOT) manakala sebanyak 11, 215 orang sukarelawan menyertai program outreach. Jumlah keseluruhan sebanyak 12, 595 orang ini telah didaftarkan di dalam pangkalan data sukarelawan di ISM.

Starting from the year 2010 until December 2016, as many as 1150 volunteers participated in the basic workshop, 230 volunteers participated in TOT whereas 11,215 volunteers took part in the outreach program. The overall amount of 12,595 participants had been registered in the database for the volunteers at ISM.

## Bengkel Para Kaunselor dan Bengkel Asas Kaunseling
## Counselor Workshop and Basic Counseling Workshop

Bengkel Para Kaunselor telah dilaksanakan sebanyak 1 siri dan Bengkel Asas kaunseling sebanyak 5 siri. Bengkel ini telah di adakan di Institut Sosial Malaysia, negeri Johor, Selangor dan Sabah. Para peserta yang hadir adalah dari pelbagai Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Penjara Malaysia,

Workshops for Counselors had been held once and Basic Workshop for counseling had been held for five series. The workshops was conducted at ISM in Johor, Selangor and Sabah. The participants were from various departments like JKM, Women Development department, Jail Department of Malaysia, Education Department, PDRM, Community

Jabatan Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kolej Komuniti, Institusi Pengajian Tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan, PERWANI, individu dan masyarakat setempat.

**Objektif Bengkel Asas Kaunseling:**

- Memberikan pendedahan dan kemahiran kepada peserta berkenaan kaunseling asas terutamanya memahami prinsip dan etika kaunseling.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas dalam kaunseling.

Colleges, Higher Education Institution, NGOs, volunteers, PERWANI, individuals and local citizens.

**Basic Counseling Workshop Objectives:**

- Provides exposure and skills for participants regarding basic counseling especially understanding principles and ethics of counseling.
- Increase knowledge and basic skills in counseling.





**Objektif Bengkel Para Kaunselor:**

- Memberi pendedahan dan kecekapan kepada peserta dalam memahami konsep asas menolong, perkembangan manusia, dan pengetahuan dalam kaunseling;
- Memahami isu kepelbagaian budaya dalam profession menolong;
- Melaksanakan bantuan awal psikologikal dan kerja kelompok;
- Menyampaikan kemahiran khusus tentang teknik dan asas-asas kaunseling kepada peserta; dan
- Memberi latihan kemahiran kaunseling kepada peserta berasaskan teori dan praktikal.

**Workshop for Counselors Objectives:**

- Provides exposure and efficiency in understanding the basic concept in helping, human development, and knowledge in counseling;
- Understanding the culture diversity in helping profession;
- Implementing early psychological aid and teamwork;
- Delivering specific skills about the techniques and the fundamentals of counseling to participants; and
- Provides counseling training for the participants in theoretical and practical ways.









## *International Conference On Social Innovation 2016*
International Conference On Social Innovation 2016




Persidangan berperingkat antarabangsa ini adalah anjuran bersama oleh Intitut Sosial Malaysia (ISM) dengan Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) Universiti Malaysia. Program ini merupakan

This international level conference was a collaboration between Social Institute of Malaysia (ISM) and Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra) University of Malaya. This

inisiatif ISM untuk melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa dengan menjalinkan kerjasama dengan universiti awam tempatan. Program berbentuk persidangan ini bertujuan menggalakkan perkongsian ilmu dan percambahan minda dalam pelbagai bidang berkaitan sosial, termasuklah pembangunan sosial, komuniti, sukarelawan serta kerja sosial.

program is an initiative from ISM to expand its wings to international level by collaborating with local university. This conference-like program aims to encourage sharing of knowledge and mind expansion in various field involving social development, community, volunteerism, and social work.





## Kajian Aplikasi Pemetaan Jenayah dalam Kalangan Juvana di Semenanjung Malaysia
## Crime Mapping Applications for Juveniles Research In Peninsular Malaysia

Kajian Aplikasi Pemetaan Jenayah dalam Kalangan Juvana di Semenanjung Malaysia Menggunakan Sistem Maklumat Geografi telah dijalankan dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengaplikasikan teknologi GIS dalam pemetaan jenayah juvana bagi membantu penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan Juvenile Restorative Justice/Diversion Programme melalui cadangan program pencegahan dan intervensi yang

Crime Mapping Applications for Juveniles Research In Peninsular Malaysia uses Geographical Information System (GIS) was carried out in cooperation with researchers from Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The main objective of this research is to apply GIS technology in crime mapping for juveniles to help in law enforcement and implementing Juvenile Restorative Justice/Diversion Program through prevention program and a holistic intervention. The research methodologies used were research design,





holistik. Metodologi kajian yang digunakan adalah rekabentuk kajian, pengumpulan data, dan analisis data. Rekabentuk kajian GIS menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan data yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kajian ini menfokus kepada dua golongan responden iaitu kanak-kanak di bawah 18 tahun dan pesalah muda yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun. Analisis dijalankan kawasan kelabu iaitu kawasan yang terdapai suspek juvana yang tinggi, ciri infrastruktur dan fizikal yang sama. Gabungan aspek teknologi GIS dan aspek sosial mampu akan dapat menghasilkan cadangan intervensi yang menfokus kepada kawasan utama, jenis jenayah dan kumpulan umur juvana.

data collection, and data analysis. GIS research design implemented quantitative data based on data obtained from Royal Malaysian Police (PDRM). This research focused on two groups of respondents which are children under 18 years old and young offenders ranging between 18 to 21 years old. Analysis was carried out in grey area which consists high amount of juvenile suspects, infrastructure features, and similar physiques. The merge between GIS technology and social aspect is able to produce intervention proposal which focuses on main areas, type of crimes, and age group of juveniles.

## Kajian *Enabling Integration and Participation of Persons with Disabilities in the Workforce*
## Enabling Integration and Participation of Persons with Disabilities in the Workforce Research

Kajian *Enabling Integration and Participation of Persons with Disabilities in the Workforce* merupakan kajian bersama dengan penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka isu-isu pekerjaan di kalangan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia. Untuk mendedahkan isu-isu ini, input daripada majikan, penyelia dan OKU sendiri telah diterokai melalui pendekatan kualitatif menggunakan soalan separa berstruktur terbuka. Protokol temu bual telah dibangunkan berdasarkan kesusasteraan yang lalu.

Sebanyak 1,220 borang soal selidik telah diedarkan kepada OKU yang bekerja dan menganggur. Didapati 417 memenuhi kriteria penyelidikan untuk analisis selanjutnya. Bagi majikan dan penyelia, 171 organisasi telah dihubungi secara peribadi melalui telefon. Walau bagaimanapun, hanya 29 organisasi bersetuju untuk mengambil bahagian. Hasil kajian

Enabling Integration and Participation of Persons with Disabilities in the Workforce research is a joined research with researchers from Universiti Utara Malaysia. The main objective of this research is to explore employment issues among persons with disabilities (OKU) in Malaysia. To reveal the issues, inputs from employers, supervisors and OKUs themselves are analyzed through qualitative approach using half structured open ended questions. Interview protocols were constructed based on past literatures.

As many as 1,220 feedback forms were distributed to employed and unemployed OKUs. It turns out that 417 fulfilled the research criteria for the next analysis. For employers and supervisors, 171 organizations were contacted privately through phone calls. However, only 29 organizations agreed to participate. The outcomes showed that among the important issues

menunjukkan bahawa antara isu penting sekitar pekerjaan kepada OKU dalam tenaga kerja adalah berkaitan dengan kekurangan peluang pekerjaan, persepsi negatif daripada majikan dan masyarakat, isu-isu akses, dan sifat-sifat peribadi OKU sendiri.

regarding OKU employment in workforce is less job opportunity, negative perceptions from employers and society, access issues, and personal characteristics of OKUs themselves.

## *ISM Ministerial Dialogue* (ISMiD) : Wawasan Baharu Ke Arah Penjanaan Pembangunan Masyarakat Sejahtera
## ISM Ministerial Dialogue






Program ISM Ministerial Dialogue atau ISMiD yang bertemakan Wawasan Baharu Ke Arah Penjanaan Pembangunan Masyarakat Sejahtera dapat memberikan kefahaman dan meningkatkan kesedaran serta tanggungjawab masyarakat dalam berhadapan dengan isu sosial yang semakin mencabar. Program ini juga akan dapat mengukuhkan imej ISM sebagai Pusat Kecemerlangan dalam bidang sosial dan pembangunan sosial menerusi perkongsian ilmu dan jaringan dalam bidang sosial selari dengan ekspektasi pemegang kepentingan dan pelanggan/kumpulan sasar KPWKM. Dalam masa sama, kerajaan terutamanya KPWKM mendapat input-input terkini

ISM Ministerial Dialogue Program or ISMD carrying the theme New Insight Towards Generating A Prosperous Community in giving an understanding and raising awareness as well as responsibility of the community in facing challenging social issues. This program also strengthen ISM image as the Centre Of Excellence in the social field and social development via sharing of knowledge and networking in the social field parallel to expectations of stakeholders and target groups of KPWKM. Simultaneously, government especially KPWKM received current inputs in framing policies, guidelines and regulations towards upbringing people and the nation into a betterment in social aspect.





dalam merangka dasar, polisi, garis panduan dan peraturan ke arah membangunkan rakyat dan negara yang lebih baik lagi dari sudut sosial.



## Menteri Mentor UPM
## Mentor Mentee Program

Program Menteri Mentor memberi ruang untuk meningkatkan perhubungan dan kerjasama antara KPWKM dan pihak UPM. Dalam hubungan ini, ia merupakan peluang kepada KPWKM dan agensi-agensinya untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan percambahan minda dalam isu-isu berkaitan perkhidmatan KPWKM yang berkait rapat dengan mahasiswa/siswi dan warga UPM khasnya. Program ini memberi peluang kepada mahasiswa/siswi dan warga kampus untuk mendapat gambaran lebih jelas berkaitan isu-isu sosial dan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh KPWKM.

Mentor Mentee Program opens the door to increase the relationship and teamwork between KPWKM and UPM. In this relationship, it is an opportunity for KPWKM and its agencies to inspire the sharing of knowledge and branching of minds in issues related to the services of KPWKM that involves students and especially of UPM society. The program provides the students and campus society to have the accurate depiction relating to social issues and initiatives taken by KPWKM.






# Jabatan/Agensi di Bawah KPWKM

**Department/Agency under KPWKM**

# Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-Negara Berkecuali NAM (NIEW)

**NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)**

# Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-Negara Berkecuali NAM (NIEW)

## NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)

### *Gender and Communication Synergy in Leadership*
Gender and Communication Synergy in Leadership

**17 - 19 Mei/May 2016**

Kursus ini merupakan pendedahan awal kepada para peserta mengenai aspek kepimpinan dan untuk menguruskan cabaran komunikasi berdasarkan gender di tempat kerja.

This course exposed participants to the aspects of leadership and to manage the challenges of gender based communication at work place.

Selain itu, kursus ini memberi pemahaman yang lebih baik mengenai keberkesanan komunikasi antara lelaki dan wanita melalui gaya kepimpinan yang berbeza.

This course also provides better understanding on the effectiveness of communication between men and women through different leadership styles.

### *Training Workshop on Technopreneurship for women in Science, Technology and Innovation*
Training Workshop on Technopreneurship for women in Science, Technology and Innovation

**5 - 9 September/September 2016**

Bengkel ini bertujuan bagi mendedahkan para peserta dengan pengalaman dan pembelajaran mengenai cara mengkomersialkan ciptaan, teknologi atau paten dan mengetahui proses membangunkan pelan peniagaan

This workshop exposed participants to the experience and the learning process on the commercialization of inventions, the technologies involved in it as well as on the aspects of patent.





### *Certified Information Security Awareness Managers (CISAM) Bootcamp*
Certified Information Security Awareness Managers (CISAM) Bootcamp

**26 - 29 September/September 2016**

Bengkel ini merupakan lanjutan dari *Course On Cyber Safety & Information Security* tahun 2015.

This workshop is the advancement from the Course on Cyber Safety and Information Security in 2015.

Bengkel menyedia pengetahuan dan kefahaman mengenai cara-cara mengenal pasti tahap kesedaran keselamatan siber/maklumat di organisasi.

This workshop provides knowledge and understanding on identifying the organization's awareness and competence level on cyber safety and information security

Para peserta akan diberikan sijil CISAM sekiranya lulus/berjaya peperiksaan *online* yang dikendalikan pada terakhir bengkel.

Participants are given and awarded with certification that will carry the title CISAM upon passing the online examination conducted on the last day of the workshop

### *Training Workshop on Empowering Women Entrepreneurs in Agri-food Business through Tropical Fruits Value Chain*
Training Workshop on Empowering Women Entrepreneurs in Agri-food Business through Tropical Fruits Value Chain

**29 November/October - 2 Disember/December 2016**

Bengkel ini memberikan pendedahan dan pengetahuan serta kemahiran berasaskan teknik hands-on dalam pembuatan produk makanan berasaskan buah-buahan tropika.

This workshop is focused on equipping participants with hands-on experience of selected food processing.

Peserta juga diberi peluang untuk melawat pusat pemprosesan makanan dan pusat ekspo MAHA 2016.

Participants are given the opportunity to visit food processing centres and also the biennial MAHA 2016 Expo.

Selain itu, peserta bengkel juga didedahkan dengan pelan perniagaan, penyediaan akaun,costing, dan belanjawan dan kaedah pemasaran dengan menggunakan *Internet of Things* (IoT).

The participants of the workshop are also exposed to the business plan, account keeping, costing, budget and marketing tools using the Internet of Things (IoT).

## *The Great Royal Gender Debate 2016*
## The Great Royal Gender Debate 2016

**18 - 21 November/October 2016**

Pertandingan debat ini merupakan salah sebuah program tahunan yang dianjurkan sejak dari tahun 2011 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW).

This debate competition has been held annually since 2011 by the Ministry of Women, Family and Community Development through NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW).

Objektif program ini adalah untuk mengangkat agenda dan isu-isu berkaitan gender dan meneroka kesedaran dan pemahaman belia dalam isu-isu gender.

The objectives of this program is to highlight the agenda and issue relating to gender and to explore the awareness and understanding of youth on gender issues.

## *Talk On Cyber Safety and Information Security 2016*
## Talk On Cyber Safety and Information Security 2016

**18 - 21 November/October 2016**

Objektif ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan berkenaan keselamatan siber dan keselamatan maklumat dan memberi kesedaran serta pengetahuan mengenai hak dan cara membuat aduan sekiranya mereka terdedah kepada ancaman siber.

The objective of this talk is to provide awareness and education regarding cyber safety and information security and to provide information regarding the rights of cyber users and the channel to complain when exposed with cyber threats.

Sesi pertama ceramah telah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan peserta mengenai isu teknologi dan sosial yang dihadapi oleh pengguna Internet, terutamanya risiko penggunaan atas talian yang melibatkan jenayah siber terkini.

The first session of talk has raised participants' awareness and knowledge on the technological and social issues faced by the Internet users, particularly on the online risks, which involves the latest cyber-crime techniques.

Sesi kedua ceramah telah menekankan kepentingan keberkesanan keibubapaan dalam dunia siber terutamanya untuk memantau akses dan tingkah laku anak dalam dunia siber dan mengehadkan aktiviti digital anak mengikut keadaan yang bersesuaian.

The second session of the talk highlighted on the importance of effective cyber parenting, in terms of monitoring children's online access and cyber behaviour and restricting the children's digital activity when appropriate.





# Yayasan Kebajikan Negara

## National Welfare Foundation




### Anjung Singgah YKN Ipoh, Perak

Penubuhan Anjung Singgah YKN merupakan Pusat Khidmat Bantuan Sosial bagi menangani isu gelandangan yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam menangani isu gelandangan, YKN mendapat kerjasama strategik daripada pelbagai pihak yang berkaitan seperti agensi kerajaan, penguatkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain. Anjung Singgah menyediakan kemudahan asas kepada gelandangan yang sihat serta produktif dan golongan ini perlu menjalani proses intervensi awal sebagai persediaan untuk berdikari.

Dalam proses intervensi ini, golongan gelandangan akan diberi kemudahan tempat penginapan untuk tempoh 1 hingga 2 minggu dalam usaha membantu mereka mencari pekerjaan serta mendapatkan tempat penginapan yang sesuai.

Anjung Singgah yang pertama ditubuhkan di Kuala Lumpur yang menjadi projek perintis kepada tertubuhnya beberapa lagi Anjung Singgah dibeberapa lokasi di seluruh negara. Tahun 2016, Anjung Singgah YKN Ipoh, Perak telah siap ditubuhkan menjadi Anjung Singgah yang kelima selepas Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.

### Anjung Singgah YKN Ipoh, Perak

The establishment of Anjung Singgah YKN was a part of the Social Help Service Centre to overcome the issue of homelessness that is administered by the National Welfare Foundation (YKN) through the Department of Women, Family And Community Development. In overcoming this issue, YKN had received strategic cooperation from multiple party that is related like government agencies, local enforcer, Non-Governmental Organization (NGO) and others. Anjung Singgah serves basic necessity to the healthy and productive homeless and this group needs to undergo an early intervention process as a prep to be independent.

In this intervention process, the homeless group will be given an accommodation in the period of 1 to 2 weeks in an attempt to help them find employment as well as acquiring their own suitable accommodation.

The first Anjung Singgah was developed in Kuala Lumpur which turns into a pioneer project towards the construction of a few more Anjung Singgah in several locations throughout the country. The year 2016, Anjung Singgah YKN Ipoh, Perak had finished its construction becoming the fifth Anjung Singgah after Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang and Sarawak.




















**Statistik Anjung Singgah mengikut tahun operasi sehingga Disember 2016**
**Anjung Singgah statistics by operation year until December 2016**

| Tahun *Year* | Kuala Lumpur | | Sarawak | | Johor | | Pulau Pinang | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki *Male* | Perempuan *Female* | Lelaki *Male* | Perempuan *Female* | Lelaki *Male* | Perempuan *Female* | Lelaki *Male* | Perempuan *Female* |
| 2011 | 309 | 57 | - | - | - | - | - | - |
| 2012 | 220 | 71 | 33 | 21 | - | - | - | - |
| 2013 | 168 | 79 | 95 | 89 | 112 | 30 | - | - |
| 2014 | 238 | 69 | 33 | 47 | 305 | 26 | 54 | 15 |
| 2015 | 257 | 98 | 41 | 42 | 275 | 61 | 90 | 23 |
| 2016 | 180 | 93 | 44 | 35 | 354 | 101 | 132 | 44 |
| **Jumlah/*Total*** | **1372** | **467** | **246** | **234** | **1046** | **218** | **276** | **82** |

| | |
|---|---|
| Anjung Singgah Kuala Lumpur | 1839 |
| Anjung Singgah Sarawak | 480 |
| Anjung Singgah Johor | 1264 |
| Anjung Singgah Pulau Pinang | 358 |

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

No 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya, MALAYSIA.

Telefon: +603 8000 8000
Faks: +603 8323 2000
Email: info@kpwkm.gov.my

www.facebook.com/kpwkm twitter.com/kpwkm

**www.kpwkm.gov.my**